

Bil. 48

**Isnin
21 Oktober 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	[Ruangan 1]
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	[Ruangan 17]
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-Undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996	[Ruangan 17]
Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1996) (No. 2) 1996	[Ruangan 36]
USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (No. 3) 1996	[Ruangan 41]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR. HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN, P.G.D.K. (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATUK DR. LEO MICHAEL TOYAD, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J., (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' AZMI BIN KHALID, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATUK TAN CHAI HO, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ DATO' HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat **TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD** (Arau).
- „ **TUAN R. KARPAL SINGH** (Jelutong).
- „ **DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N.** (Telok Kemang).
- „ **TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K.** (Sandakan).
- „ **DR. LEE CHONG MENG** (Bukit Bintang).
- „ **DR. G. LEELAVATHI, A.M.N.** (Kapar).
- „ **TUAN LIEW AH KIM** (Seputeh).
- „ **TUAN LIM GUAN ENG** (Kota Melaka).
- „ **TUAN LIM HOCK SENG** (Bagan).
- „ **TUAN LIM KIT SIANG** (Tanjong).
- „ **TUAN VINCENT LIM KUO PHAU** (Petaling Jaya Utara).
- „ **PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M.** (Padang Serai).
- „ **TUAN LIM SI CHENG, P.I.S.** (Senai).
- „ **TUAN LIM SIANG CHAI** (Petaling Jaya Selatan).
- „ **DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.**
(Sabak Bernam).
- „ **TUAN MANSOR BIN MASIKON** (Batu Pahat).
- „ **DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P.** (Bandau).
- „ **TUAN MD. ISA BIN SABU** (Kangar).
- „ **TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S.** (Bukit Mas).
- „ **TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU** (Kubang Kerian).
- „ **TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH** (Pasir Puteh).
- „ **TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S.** (Johor Bahru).
- „ **DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K.** (Kota Belud).
- „ **DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P.,**
A.M.P., J.P. (Larut).
- „ **TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF** (Dungun).
- „ **TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P.** (Hulu
Terengganu).
- „ **TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH** (Pengkalan
Chepa).
- „ **TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K.** (Tanjong Karang).
- „ **DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI** (Balik Pulau).
- „ **DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH** (Beaufort).
- „ **TUAN ONG TIN KIM** (Teluk Intan).
- „ **DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T.** (Pendang).
- „ **DR. PATAU RUBIS, P.B.S.** (Mas Gading).
- „ **TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K.** (Penampang).
- „ **TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K.** (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K.
(Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah. Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 21 Oktober 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua Tuan Ong
Tee Keat *mempengerusikan
Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JALAN MIRI-BINTULU
KE BELURU—
PERUNTUKAN TAMBAHAN

1. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan jalan dari Simpang RH Mahmud di Jalan Miri-Bintulu ke Beluru dan seterusnya ke Long Lama (67 Km panjang) yang digelar jalan "First Trunk Road" itu sangat penting untuk mempercepatkan lagi pembangunan tanah dan pertanian komersial yang terbesar di kawasan lembah Baram, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dalam "Mid-term Review" Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menambah lagi peruntukan bagi membina jalan "First Trunk Road" ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek jalan dari Simpang Rumah Mahmud di Jalan Miri-Bintulu ke Beluru dan Long Lama adalah merupakan projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang disambung pelaksanaannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Siling yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak RM32 juta. Peruntukan ini adalah mencukupi untuk menaik taraf dan mengetar jalan dari Simpang Rumah Mahmud ke Beluru dan ke Batang Tinjar sepanjang 49 kilometer sahaja.

Memandangkan pentingnya pembinaan jalan ini disambung ke Long Lama yang melibatkan tambahan jalan sepanjang 26 kilometer lagi. Kementerian Kerja Raya bercadang untuk memohon tambahan peruntukan dalam Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ketujuh bagi membolehkan pembinaan jalan ini dilaksanakan sehingga ke Long Lama.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tahun yang lalu dan semasa ini juga, jalan yang tersebut adalah dalam keadaan yang sangat teruk dan merbahaya kepada pengguna-pengguna jalan iaitu jalan ini sangat berdebu di musim kemarau dan sentiasa lecah dan licin dan banyak berlubang di musim 'landas season', contohnya pada tahun yang lepas jalan ini telah putus di beberapa tempat dan tidak dapat diguna sekali oleh kenderaan bas dan lain-lain kenderaan.

Keadaan yang seperti ini saya khuatir oleh kerana ia memberi kesusahan kepada rakyat kita di Baram. Oleh kerana kita tidak mahu keadaan tersebut berlaku di musim landas ini, saya ingin tahu, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan khususnya JKR supaya jalan ini boleh diselenggarakan dan sentiasa diperbaiki dalam masa 'landas season' yang akan datang ini.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya menjadi tugas kita, Kementerian Kerja Raya, selain daripada peruntukan yang telah saya sebutkan tadi bagi menaikkan taraf jalan ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM32 juta, kita juga prihatin terhadap sebarang kemungkinan yang berlaku yang disebabkan oleh banjir,

musim tengkujuh dan sebagainya yang menyebabkan tanah runtuh dan sebagainya yang mana tindakan segera perlu dilakukan di atas sebarang jalan yang wujud keruntuhan dan sebagainya pada masa-masa yang tertentu.

Tetapi saya rasa Yang Berhormat tidak payah bimbanglah, kalau ada perkara-perkara yang seperti ini kita sentiasa memberikan perhatian yang dekat tertakluk kepada kerjasama dan laporan yang diberikan kepada kita oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak.

BANJIR DI TAMAN SRI MUDA—PUNCA

2. Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai masalah banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam. Mengapa adanya cadangan untuk membina padang golf bersebelahan dengan sungai pada hal tanah tersebut boleh digunakan untuk tujuan yang lebih berfaedah seperti satu kolam tadahan air untuk menyelesaikan masalah-masalah banjir yang telah lama berlanjutan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, kejadian banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam, antaranya berpunca dari aras tapak perumahan yang rendah daripada air pasang Sungai Kelang, ketiadaan kunci air bagi mengelakkan kemasukan air Sungai Kelang dan pendedapan kelodak di dalam Sungai Kelang sendiri.

Kerja-kerja naik taraf sistem perparitan, pembinaan kunci air dan melebar serta mendalamkan Sungai Kelang sedang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Shah Alam dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan padang

golf hanya melibatkan Seksyen 17 hingga Seksyen 24. Di antara tujuan pembinaannya adalah bagi mengindahkan kawasan tebing sungai dan mengelakkan kawasan berkenaan didiami oleh penduduk setinggan.

Bagi kawasan Taman Sri Muda, pihak pemaju perumahan telah menyediakan kawasan untuk pembinaan kolam tadahan air di kawasan Seksyen 25 tersebut.

INDEKS HARGA PENGGUNA—CADANGAN MENGUBAH

3. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai) minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah ada cadangan mengubah Indeks Harga Pengguna (CPI) yang digunakan pakai dalam negara ini kerana kerajaan sendiri menyedari ia tidak tepat. Perubahan ini sesuai memandangkan negara telah banyak mengalami perubahan di segenap bidang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Datuk Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, pengiraan IHP sepertimana diamalkan sekarang adalah berasaskan kepada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah tahun 1993 dan 1994 di mana pemilihan barang dan wajaran yang berkaitan adalah berdasarkan penyiasatan tersebut.

Formula yang digunakan untuk mengira IHP ialah Formula Laspeyres iaitu satu formula global yang dipergunakan oleh hampir kesemua negara-negara lain. Metodologi pengiraan IHP ini merupakan kaedah perkiraan saintifik yang paling tepat bagi pengukuran inflasi. Berdasarkan ini, pihak kerajaan berpendapat ianya adalah sesuai dan akan terus digunakan untuk mengukur kadar inflasi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar negara kita telah mengalami kemajuan serta perubahan di segenap bidang

termasuk dalam bidang ekonomi, kerajaan juga mengambil berat tentang implikasi pertumbuhan ekonomi terutamanya impak atau impact, dengan izin, masalah inflasi ke atas golongan berpendapatan rendah.

Susulan daripada itu, kerajaan telah menetapkan matlamat jangka panjang untuk mencapai inflasi sifar bagi barang keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pengangkutan iaitu yang biasanya digunakan oleh golongan berpendapatan RM1,500 sebulan dan ke bawah.

Sebanyak 75 barang keperluan asas telah dikenal pasti bagi perkiraan IHP kedua dan kini Bahagian Perancangan Ekonomi dan Jabatan Perangkaan sedang mengawasi perubahan harga barang-barang tersebut.

Tuan Lim Si Cheng: Memandangkan harga barang memang tak turun—bertambah tinggi. Jadi soalan saya, saya ingin meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan sama ada kempen inflasi sifar telah mencapai matlamatnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Harga barangan naik atau turun memang berlaku dalam pasaran negara kita kerana Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi bebas. Tetapi kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah perlu untuk mengawal harga barangan keperluan tidak naik dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kempen Inflasi Sifar sebenarnya bertujuan meningkatkan kesedaran dan kesefahaman di kalangan masyarakat terutamanya pengguna dan peniaga. Dan mengikut satu kajian penilaian yang dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia telah menunjukkan tujuan ini telah tercapai kerana majoriti dari pengguna telah memahami maklumat mengenai inflasi. Dengan itu, saya boleh katakan bahawa kempen inflasi sifar telah mencapai matlamatnya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Cuba Yang Berhormat buktikan, 5 perkara yang membuktikan bahawa Kempen Inflasi Sifar itu telah berjaya. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 5 perkara Yang Berhormat

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa setakat mana yang boleh Yang Berhormat. Tidak semestinya 5 perkara.

Datuk Tan Chai Ho: Kempen Inflasi Sifar dilancarkan pada tahun 1995, tadi saya kata ikut satu kajian, pengguna dan peniaga telah sedar mengenai inflasi dan bila pengguna-pengguna sentiasa dinasihatkan supaya bila membeli atau berbelanja, mereka harus merancang tidak perlu mereka membelanjakan wang dan ini telah menunjukkan harga barang keperluan ini adalah rendah dan dikawal dengan baik. Inilah satu perkara yang ...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa itu satu kesedaran. Apa yang diminta itu barangan.

Datuk Tan Chai Ho: Barang, I berikan contoh kasut. Harga kasut diturunkan, alat komputer telah diturunkan. Harga "ayam" pun diturunkan juga Yang Berhormat. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Cukup ya, tapi saya boleh bagi dia tanya barangan harga yang telah diturunkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat boleh menyakinkan beliau kemudian.

**PEKERJA BANGLADESH—
ANCAMAN RAKYAT
TEMPATAN**

4. Tuan Haji Badrul Hisham Abdul Aziz (Hulu Langat) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan gejala pekerja Bangladesh dibelasah oleh rakyat tempatan telah berlaku beberapa kali di negara ini, adakah Kementerian telah membuat siasatan terperinci mengenai punca sebenar kejadian berkenaan dan apakah langkah-langkah berkesan yang dilaksanakan untuk meneruskan keharmonian memandangkan kita terpaksa menerima hakikat bahawa kewujudan pekerja asing di negara ini adalah perlu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua. Beberapa kejadian pergaduhan antara rakyat tempatan dan pekerja Bangladesh yang berlaku baru-baru ini adalah disebabkan sikap pekerja berkenaan yang tidak memahami adat dan budaya penduduk tempatan khususnya mengenai tatasusila dan cara hidup masyarakat tempatan.

Bagi menangani masalah ini, beberapa langkah telah dan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan. Di antaranya ialah dengan cara mengenal pasti penempatan dan tempat-tempat mereka bekerja untuk memudahkan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti harian mereka dan menggalakkan majikan memberi nasihat kepada mereka supaya memahami kebudayaan dan cara hidup masyarakat tempatan serta menghormati undang-undang negara ini.

Selain daripada itu, kerajaan akan memastikan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas akan sentiasa dijalankan.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedari sejak akhir-akhir ini pendedahan dari Bangladesh, telah menjadi idaman kepada gadis tempatan. Tambah-tambah lagi nisbah lelaki seorang dan perempuan empat belas orang, terutama

sekali di Lembah Kelang dan kawasan persekitarannya.

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula perundangan bagi memberi kelonggaran kepada pekerja asing yang mempunyai track record peribadi dan kerja yang baik, bagi membolehkan mereka berkahwin dengan gadis tempatan agar, poligami di negara ini dapat dielak atau dikurangkan, kerana ini juga boleh mengakibatkan peningkatan masalah keruntuhan keharmonian rumahtangga dan rakyat Malaysia pada keseluruhannya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dasar pengambilan pekerja asing ini telah pun kita tetap dan beberapa kali dijelaskan oleh pemimpin-pemimpin negara dan berulang kali juga dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Dan kerajaan tidak akan terutamanya pada masa kini kita hendak mengatasi masalah pendatang tanpa izin dan juga terlalu ramai sangat pekerja asing terdapat di negara kita ini sampai timbul macam-macam masalah sosial dan masalah yang melambatkan proses pemindahan teknologi daripada industri buruh intensif kepada industri tinggi. Maka dasar itu, kita fikir sudah memadai, tidak perlu dilonggarkan.

Apa yang saya fikir, yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Sepang tadi kata ini masalah gadis, nisbah perempuan dan lelaki, saya rasa itu adalah perkara yang berlainan. Saya rasa negara Malaysia kita ini, hari ini begitu maju dan ada kita punya budaya tersendiri, tidak sampailah kita harapkan pekerja asing ataupun buruh asing ini untuk datang menyelematkan kita, saya rasa kita ada cara yang lebih baik lebih unik untuk Malaysia mengatasi masalah kita.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ada tiga peluang lagi untuk menyelesaikan masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, daripada (*Menyampuk*) (*Ketawa*) jawapan asal Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kita bergantung kepada nasihat daripada majikan. Apakah pihak kerajaan akan lebih bertegas bahawa sebelum pekerja asing, terutama sekali dari Bangladesh ini dibawa masuk, mereka diberi kursus dan kefahaman terlebih dahulu sebelum mereka masuk ke Malaysia? Kalau tidak, mereka akan menimbulkan masalah, seperti mana yang ditimbulkan sekarang, sampai kanak-kanak pun mereka sanggup merogol.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah satu cadangan yang saya rasa baik dan kerajaan memang mengalu-alukan sama ada pihak berkuasa di negara yang berkenaan, terutamanya dari Bangladesh itu sanggup untuk memberikan sesuatu orientasi ataupun sesuatu nasihat yang tepat kepada mereka sebelum mereka itu datang, saya rasa itu akan dapat membantu untuk mengatasi masalah ini.

Selain daripada itu saya rasa majikan pun mempunyai tanggungjawab untuk mengingatkan mereka apakah dia sensitiviti, terutamanya di negara Malaysia kita yang begitu mementingkan moral ataupun akhlak. Kita ada budaya di sini, tidak macam di negara-negara lain dan mereka yang datang ini nampaknya ada satu gejala—bukan semualah tetapi ada sebahagian daripada mereka ini ada keghairahannya, seperti mereka hendak mengusik sedikit apabila mereka berjumpa perempuan yang cantik atau yang dia suka dari segi perkataan dan sebagainya. Saya rasa ini tidak diterima oleh kita dan kita sama sekali, sama ada majikan, penguatkuasa ataupun saluran-saluran yang tertentu, kita cuba mengelakkan atau mengurangkan masalah ini.

SMK ULU DUSUN—KUOTA PENGAMBILAN PELAJAR

5. **Tuan Asmat Nungka (Beluran)** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bagaimanakah kuota pengambilan pelajar di SMK Ulu Dusun, Beluran

iaitu adakah khusus untuk pelajar di Daerah Labuk Sugut ataupun daerah lain; dan

- (b) mengapakah SMK Ulu Dusun diletakkan di Kg. Segaliud dan bukan di Kg. Ulu Dusun sesuai dengan nama SMK Ulu Dusun. Situasi ini boleh mengelirukan penduduk setempat, khususnya tentang lokasi sekolah tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tiada kuota bagi pengambilan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Dusun. Pelajar-pelajar dari daerah lain yang berhampiran akan diambil terima bergantung kepada kemampuan SMK Ulu Dusun.
- (b) Tapak untuk projek ini terletak di Kampung Segaliud kerana tapak di Kampung Ulu Dusun didapati tidak sesuai. Oleh yang demikian, projek ini telah ditukar nama daripada Projek SMK Ulu Dusun kepada Projek SMK Segaliud.

Tuan Asmat Nungka: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kawasan Parlimen Beluran hanya terdapat empat buah Sekolah Menengah Kerajaan sahaja dan apabila kerajaan telah mengumumkan sebuah Sekolah Menengah Kerajaan di Ulu Dusun yang mana sepatutnya Sekolah Menengah Kerajaan ini diletakkan di Daerah Beluran, tetapi nampaknya telahpun ditukar kepada kawasan lain iaitu di Kinabatangan. Jadi, saya ingin tahu apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah sebuah lagi SMK di kawasan saya seperti yang telah saya terangkan dalam surat saya kepada Menteri Pendidikan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan dalam jawapan, Kementerian Pendidikan terpaksa menukar tapak tersebut kerana tapak yang terdapat di Kampung Dusun itu tidak sesuai.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan menimbangkan permohonan Ahli Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan pegawai-pegawai, saya sendiri atau Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan kita akan terus memberi pertimbangan yang wajar.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa satu soalan dari mata pelajaran Sejarah Tingkatan Empat di sebuah sekolah di negeri Selangor keluar begini:

“Melalui rajah di atas kita dapat mengetahui akan sistem kasta yang diamalkan di kalangan rakyat India. Daripada organisasi tersebut, yang manakah mewakili golongan kasta Paria dan Harjan?

- (a) warna putih;
- (b) warna merah;
- (c) warna kuning;
- (d) warna hitam.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa soalan ini terkeluar daripada soalan asal (Menyampuk) (*Ketawa*).

Dr. G. Leelavathi: Saya ingin tahu siapakah yang menyediakan soalan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya sudah buat dan keputusan Yang Berhormat, itu terkeluar.

Dr. G. Leelavathi: Terima kasih.

MASALAH SOSIAL DAN KEKELUARGAAN— PENDEKATAN BERKESAN

6. Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah) minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) sejajar dengan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara yang

kian mampan, namun persoalannya, sejauh manakah kejayaan pembangunan yang dinikmati oleh kebanyakan rakyat, khususnya yang tinggal di luar bandar, untuk mencakupi segala aspek pembangunan sosial dan kekeluargaan yang lebih bertamadun sekarang ini; dan

- (b) apakah bentuk pendekatan yang lebih berkesan dirancang oleh kerajaan untuk menangani pelbagai permasalahan sosial dan kekeluargaan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan G. Palanivel): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha kerajaan untuk pembangunan, terutama pembangunan sosial bagi penduduk yang tinggal di luar bandar melibatkan pelbagai agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga lain-lain kementerian dan juga agensi-agensis yang menjalankan program-program khusus untuk pembangunan sosial.

Dari segi kekeluargaan, kementerian ini melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah mengadakan program pembangunan keluarga yang termasuk latihan kekeluargaan, khidmat kaunseling keluarga dan lain-lain.

Program Pembangunan Keluarga dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan kepada kumpulan-kumpulan sasaran tertentu seperti agensi-agensis berkaitan, NGO's, ibu bapa,

belia dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Program-program ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berakhlak dan beretika melalui pembangunan potensi manusia. Program ini juga bertujuan untuk mengukuhkan institusi keluarga dan mewujudkan keluarga yang berdaya tahan dan sedia menghadapi cabaran

- (b) Dalam menangani pelbagai permasalahan sosial dan kekeluargaan negara, kementerian ini tidak dapat mengambil langkah-langkah berkesan tanpa kerjasama semua lapisan masyarakat. Oleh itu, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berusaha untuk menggalakkan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) menjalankan program-program pencegahan di kawasan tempatan untuk menolong masyarakat menangani permasalahan sosial yang dihadapi.

Pihak media massa juga digalakkan menjalankan kempen kesedaran masyarakat dari segi pengukuhan institusi keluarga di mana keluarga yang tidak stabil didapati punca kepada kebanyakan masalah sosial.

Sektor korporat juga tidak ketinggalan dilibatkan untuk memberi sumbangan dan kerjasama kepada pelbagai program yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menangani masalah sosial dan kekeluargaan.

Penyelidikan dan kajian kekeluargaan juga dijalankan untuk memahami proses dan aliran struktur keluarga dan kesan sampingan pembangunan ke atas institusi keluarga. Program-program dalam bidang keibubapaan, kesihatan keluarga, meningkatkan potensi manusia dan meningkatkan keluarga berkualiti

di samping khidmat kaunseling kepada mereka yang memerlukannya amat berfaedah kepada masyarakat dari segi peningkatan ilmu pengetahuan dalam bidang kekeluargaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengambil berat untuk menentukan kumpulan sasarannya turut menikmati perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara. JKM juga menentukan aspek pembangunan manusia dan kekuatan institusi keluarga diberi perhatian yang sama melalui penubuhan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak, Pusat Aktiviti Kanak-kanak, Jawatankuasa Kebajikan Juvana, Program Pemulihan Dalam Komuniti dan Program Rumah Orang Tua yang tidak berwaris.

Melalui usaha-usaha ini, masyarakat tempatan dapat menjalankan tanggungjawab sosial terhadap ahli-ahli mereka sendiri sejajar dengan Dasar Kebajikan Negara untuk mewujudkan masyarakat yang berbudaya ikram yang mengandungi elemen masyarakat penyayang di mana setiap ahli masyarakat sedia tolong-menolong di antara satu sama lain dan sama dapat menikmati kemajuan dan kemakmuran negara.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, program-program latihan kemahiran keibubapaan dan juga kekeluargaan tidak begitu mendapat sambutan daripada kaum bapa dan kaum suami. Saya ingin hendak tahu

sama ada kementerian ini mempunyai langkah-langkah untuk menggalakkan lebih ramai lagi kaum bapa ataupun kaum suami untuk menjalani latihan kekeluargaan dan keibubapaan ini. Adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan kaum bapa atau kaum suami khususnya dari kakitangan kerajaan untuk menjalani latihan kekeluargaan dan kemahiran ibu bapa ini?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang betul tetapi kita dapati ramai kaum wanita yang terlibat dalam program-program anjuran kementerian dan lain-lain badan NGO. Yang kurang mengambil bahagian ialah kaum bapa (lelaki)—kurang melibatkan diri dalam program-program ini. Sebab itu sebagai permulaan, kementerian ini menganjurkan kursus-kursus untuk pegawai-pegawai kerajaan wajib menghadiri kursus-kursus keibubapaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Maringking.

(Soalan No. 7—Y.B. Tuan Yunof Edward Maringking (Tuara) tidak hadir)

JAMBATAN BARU DI SUNGAI KEPAT, KUSIAL, TANAH MERAH—PEMBINAAN

8. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah) minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk membina jambatan baru di Sungai Kepat, Kusial, Tanah Merah, yang sudah uzur masa ini, yang bahaya kepada pengguna, jambatan tersebut bagi menghubungi pekan Tanah Merah, Sungai Kusial Baru, pekan Gual Ipoh. Jika tidak, mengapa, jika ya, bila.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jambatan yang dimaksudkan adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, saya mencadangkan supaya perkara ini dibawa kepada perhatian kerajaan negeri.

PEGUAM NEGARA DAN MAJLIS PEGUAM—HUBUNGAN

9. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) minta Perdana Menteri menyatakan sebab mengapa Peguam Negara telah menyimpang dari amalan tradisi berunding dengan Majlis Peguam sebelum mengumumkan cadangan beliau untuk meminda undang-undang demi menyusun semula Majlis Peguam dan membolehkan peguam-peguam kerajaan serta pensyarah-pensyarah undang-undang menjadi ahlinya dan sama ada Peguam Negara akan berusaha khas untuk memulihkan perhubungan kedua-dua pihak serta memupuk semula perasaan saling menghormati dan perhubungan kerja dengan Majlis Peguam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, sebarang perundingan dengan pihak-pihak bukan kerajaan, apabila difikirkan wajar oleh kerajaan atau mana-mana agensi tidak perlu dibuat secara formal. Dalam hal Majlis Peguam, dalam kebanyakan hal, Majlis Peguam melalui saluran rasmi atau tidak rasmi menyampaikan pandangan mereka kepada pihak kerajaan. Bagi cadangan menyusun semula Majlis Peguam, Peguam Negara telah melahirkan pandangannya secara terbuka dalam suatu majlis yang dihadiri sama oleh wakil-wakil Majlis Peguam. Oleh yang demikian, Majlis Peguam telah mengetahuinya. Ini terbukti kerana Majlis Peguam telah membincangkan dan membuat keputusan mengenai perkara ini. Sungguhpun demikian, perkara ini adalah ura-ura sahaja dan keputusan rasmi belum lagi dibuat.

Apa yang wajar dipersoalkan di sini ialah sama ada sekarang ini terdapat percanggahan antara Peguam Negara dengan Majlis Peguam sehingga Ahli Yang Berhormat menyatakan perlu dipulihkan hubungan kedua-dua pihak. Semenjak Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Mohtar bin Abdullah, Peguam Negara, mula memegang jawatan itu beberapa ahli Majlis Peguam telah mengadakan beberapa perbincangan mengenai perkara-perkara yang relevan yang ada hubung kait dengan profesion perundangan. Perbincangan itu termasuk perbincangan mengenai standard pendidikan perundangan dan juga pengiktirafan kelulusan-kelulusan dari universiti-universiti di luar negara. Perbincangan-perbincangan itu telah diadakan dengan tujuan untuk terus memelihara perasaan saling menghormati antara satu sama lain yang telah pun wujud.

Melalui beberapa perjumpaan yang telah diadakan dengan ahli-ahli Majlis Peguam, satu hasil yang telah wujud ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Peguam Negara sekarang menghadiri beberapa bengkel dan seminar yang dianjurkan oleh Majlis Peguam, iaitu satu keadaan yang tidak wujud sebelum ini. Namun begitu, Majlis Peguam nampaknya sentiasa ingin mengambil pendekatan yang bertentangan dengan pendekatan Peguam Negara dalam isu-isu semasa. Perlulah diingat bahawa sikap saling menghormati tidak akan wujud jika usaha hanya dibuat oleh sebelah pihak sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi latar belakang untuk tunjuk bahawa bukan salah pihak Peguam Negara kalau ada 'bad blood' antara kedua-dua pihak. Bukankah benar bahawa dalam ucapan di mana Peguam Negara utarakan cadangan untuk meminda undang-undang, untuk menyusun semula Majlis Peguam itu, beliau ada kata seperti begini, dengan izin, satu perenggan:

"I have in my previous meetings with the President and leaders of the Bar Council stated if the Bar

Council does not take medication to cure itself, that it may have to undergo surgery to cure itself or its malignant illness. They have not listen to my advice, may be surgery is now imminent or inevitable."
(Disampuk)

Bukankah perkataan-perkataan semacam ini tidak tunjuk hormat kepada Majlis Peguam? Dan apabila surat ditulis oleh Majlis Peguam, Presidennya, Hendon Mohamad kepada Peguam Negara mengenai ucapannya dan cadangannya tanpa perundingan dengan Peguam Negara, khasnya dalam satu mesyuarat kedua-dua pihak dua minggu sebelum ucapan Peguam Negara, Peguam Negara kembalikan surat itu kepada Bar Council, kenapa? Ini bukan cara untuk 'mend fences'. Bukankah ini cara di mana, dengan izin, bad blood kedua-dua pihak akan lebih rosak (worst)? Bukankah masa sudah sampai di mana Peguam Negara perlu ubah fikiran (*Diganggu*) supaya boleh 'mend fences' kedua-dua pihak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, bertenang.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut sebentar tadi bahawa selain daripada dua perkara yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi, banyak perkara lain yang menampakkan perkara-perkara positif iaitu ada hubungan yang baik di antara Majlis Peguam dengan Peguam Negara. Jadi, saya harap bahawa kadang kala kalau katalah kenyataan yang dikeluarkan dalam satu majlis di mana kenyataan itu ditafsirkan mungkin sebagai tidak positif, tetapi saya kira banyak juga kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Peguam yang nampak juga tidak begitu positif terhadap hubungan baik di antara kedua pihak. Jadi, saya ingat di sini kita jangan tuduh-menuduh di antara satu sama lain, kita berikhtiar dan berusaha supaya kedua-dua pihak akan cuba untuk berbaik-baik untuk kepentingan profesion undang-undang kita.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak masalah di antara Majlis Peguam dengan Peguam Negara dan badan kehakiman ini berterusan daripada satu isu ke satu isu. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan barangkali ini soal salah tafsir dan tidak adanya hubungan baik itu. Bagi menyelesaikan semua masalah ini, tidakkah boleh diadakan satu jawatankuasa tetap bersama antara badan kehakiman, Majlis Peguam dan Jabatan Peguam Negara bagi menyelesaikan semua masalah dalaman yang mungkin berbangkit? Tidak timbul soal mengecam antara satu badan dengan satu badan kerana ianya menjejaskan ramai orang. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu jawatankuasa tetap bersama secara rasmi atau tidak rasmi di antara Majlis Peguam, Jabatan Peguam Negara dan badan kehakiman bagi menyelesaikan masalah dalaman perkhidmatan kehakiman dan undang-undang dalam negara ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan apa yang dikatakan kalau sekiranya diperlukan perundingan, kita tidak mahu satu badan yang dibuat secara formal. Tetapi saya kira sebenarnya masalah ini adalah merupakan masalah yang sememangnya boleh diselesaikan. Kalau kita kurangkan membuat kenyataan di dalam akhbar dan kita mula yang pertamanya dengan kurangkan kenyataan dalam akhbar yang boleh menyinggung perasaan sesiapa. Saya percaya bahawa tanpa jawatankuasa tetap ini memang saya rasa boleh diatasi masalah yang mungkin ada di antara Peguam Negara, Majlis Peguam dan juga pihak kehakiman.

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)—BILANGAN PELAJAR

10. Tuan Haji Mustafa bin Muda (Hulu Terengganu) minta Menteri Pendidikan menyatakan setelah IPTS diluluskan di

Parlimen awal tahun 1996 dan telah menjadi dasar Pendidikan Negara, berapa buahkah IPTS yang telah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan iaitu:

- (a) telah diluluskan;
- (b) dalam kajian kementerian; dan
- (c) yang telah beroperasi.

Dan berapa ramai pelajar-pelajar bumiputera yang telah memasuki IPTS yang tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua soalan yang mempunyai maksud yang sama iaitu mengenai isu penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Saya memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan serta tarikh soalan-soalan tersebut dikemukakan di Dewan Rakyat adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat dari Hulu Terengganu pada hari ini, 21.10.1996; dan
2. Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan pada 23.10.1996.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada beberapa cadangan dan pernyataan minat untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia. Walau bagaimanapun, mengikut Akta IPTS 1996, hanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh mempelawa penubuhan IPTS. Setakat ini, Yang Berhormat Menteri telah mempelawa Syarikat Telekom Malaysia untuk menubuhkan Universiti Telekom (UNITEL).

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri selaku Naib Presiden MCA akan menjunjung janji pilihan raya besar MCA pada tahun lepas untuk meminta Yang Berhormat Menteri mempelawa Dong Jiao Zhong menubuhkan satu IPTS ataupun meluluskan permohonan untuk mendaftar Kolej Era Baru yang masih belum diluluskan, sungguhpun telah dijanji oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Memandangkan bahawa selepas IPTS ini diluluskan oleh Parlimen, berapa banyakkah aduan yang diterima oleh pihak kementerian tentang penubuhan IPTS ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang telah menerima beberapa permohonan untuk menubuhkan kolej swasta dan dalam konteks ini, saya sendiri sudah terangkan kalau permohonan itu mengikut atau memenuhi syarat-syarat, Kementerian Pendidikan akan terus mengkaji dan akan terus memberi pertolongan. Dalam konteks ini kita akan terus memberi pertolongan dan mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang ingin menubuhkan institusi-institusi atau kolej-kolej swasta supaya kita boleh bersama-sama memajukan sektor pendidikan. Ini termasuklah permohonan dari Dong Jiao Zhong.

Soalan kedua, saya tidak berapa jelas, apa maksud soalan kedua itu?

Tuan Lim Guan Eng: Berapa banyak aduan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup, Yang Berhormat biasanya saya hadkan soalan tambahan itu kepada satu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi dia mahu jawab, Tuan Yang di-Pertua—dia mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Belum jawab lagi?

Tuan Lim Guan Eng: Dia mahu jawab.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Guan Eng:.... dan dia belum jawab, Tuan Yang di-Pertua..

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kota Melaka boleh buat surat. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:..... lagi senang, masuk MCA lagi cepat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tidak payah buat cadangan ataupun memberi nasihat.

Tuan Lim Guan Eng: 'Mulut tempayan' ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Janganlah marah Kota Melaka, belum lagi pukul 3.30 petang.

Saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di masa Yang Berhormat Menteri membentangkan Akta IPTS ada menyebut untuk meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan negara kita. Sehubungan dengan ini saya hendak bertanya, adakah kita mendapat permohonan daripada universiti-universiti dunia yang ternama seperti dengan izin, Ivy League, Harvard, MIT, London School Emperial College (LSEC) untuk memohon bersama-sama dengan institusi-institusi tempatan seperti Petronas dan lain-lain untuk menubuhkan satu IPTS tempatan termasuk medium. (*Ketawa*)

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang ada beberapa universiti tempatan termasuk universiti-universiti kenamaan di dunia ini yang

telah menunjukkan minat mereka untuk mengadakan cawangan kampus universiti-universiti tersebut di Malaysia. Kementerian Pendidikan khususnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri ada memberi perhatian yang wajar terhadap permohonan tersebut. Ini termasuklah banyak universiti kenamaan, tidak payahlah saya sebut, kalau saya sebut nanti ada orang yang mengatakan kita 'pilih kasih' pula, jadi ini termasuklah universiti-universiti kenamaan.

MALAYSIA-SINGAPURA— MASALAH PERCANTUMAN

11. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut) minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah permasalahan percantuman semula Malaysia dan Singapura telah mendinginkan hubungan antara kedua-dua negara; dan
- (b) adakah Malaysia menghantar surat bantahan kepada kerajaan Singapura berkenaan dengan kenyataan pemimpin-pemimpin negara tersebut di atas beberapa perkara dalaman Malaysia khususnya dari segi "meritocracy".

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan mulut oleh Yang Berhormat dari Telok Kemang pada 22hb Oktober, 1996 dan Yang Berhormat dari Shah Alam pada 3hb Disember, 1996 memandangkan bahawa soalnya adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura adalah rapat dan baik. Kedua-dua negara menyedari akan pentingnya memaksimumkan kerjasama dua hala di dalam bidang-bidang yang menguntungkan Malaysia dan Singapura.

Isu percantuman semula Malaysia dan Singapura telah mula dibangkitkan oleh Menteri Kanan Singapura Encik Lee Kuan Yew bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh seorang pemberita di Kelab Akhbar Singapura pada 7hb Jun, 1996. Lanjutan daripada itu, beberapa pemimpin Singapura telah membuat beberapa kenyataan berhubung dengan perkara tersebut. Isu ini telah mendapat reaksi yang hebat daripada pihak awam dan media-massa kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tertinggi UMNO juga telah membincangkan kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin Singapura. Pada dasarnya UMNO merasa amat tersinggung dengan kenyataan pemimpin-pemimpin Singapura yang telah membawa anggapan awam bahawa Kerajaan Malaysia tidak mengamalkan meritocracy di negara ini.

UMNO menyifatkan bahawa kenyataan-kenyataan pemimpin Singapura telah menyentuh perkara-perkara yang lazimnya dianggap sebagai perkara dalaman sesebuah negara.

Lanjutan daripada perbincangan dalam Majlis Tertinggi UMNO ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri Malaysia telah memanggil Tuan Yang Terutama Low Choon Meng Persuruhanjaya Singapura ke Malaysia pada 9hb September, 1996 untuk menyampaikan rasa kecewa UMNO berhubung dengan kenyataan pemimpin-pemimpin Singapura mengenai isu percantuman semula Singapura ke dalam Malaysia.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri Malaysia juga telah mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa hubungan dua hala Malaysia-Singapura adalah rapat dan berharap agar hubungan tersebut tidak terganggu disebabkan kenyataan pemimpin-pemimpin Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri Malaysia juga telah

menghubungi rakan sejawat beliau di Singapura—Profesor S. Jayakumar pada hari yang sama untuk menyampaikan rasa kecewa UMNO terhadap perkara tersebut. Beliau telah berjanji untuk melaporkan perkara tersebut kepada Kerajaan Singapura dan telah memaklumkan kepada Menteri Luar Negeri Malaysia bahawa bukanlah hasrat Kerajaan Singapura untuk menimbulkan sebarang permasalahan antara kedua-dua negara akibat daripada kenyataan percantuman semula Singapura ke dalam Malaysia.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan izin, 'reading between the lines', apakah yang menyebabkan pemimpin-pemimpin Singapura mengutarakan persoalan percantuman semula Malaysia-Singapura pada masa ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi ialah lanjutan mengenai kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Singapura berikutan dengan komen atau jawapan yang telah diberi oleh Menteri Kanan Singapura Encik Lee Kuan Yew.

Seperti saya nyatakan tadi, bukan tempat saya untuk menyatakan sebab-sebab mereka menimbulkan perkara itu, tetapi yang sebenarnya kita menerima bahawa mereka menyatakan tidak ada hasrat kerajaan mereka untuk menimbulkan sebarang permasalahan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada saya, saya berkeyakinan bahawa Menteri Kanan Singapura menanamkan persoalan mengenai percantuman itu kepada akhbar. Oleh kerana beliau juga pernah melakukan amalan yang sama sewaktu Singapura berhasrat untuk menganggotai Malaysia pada tahun 1960an dahulu. Pokok persoalannya di sini, nampaknya Malaysia terlalu 'gentleman' dengan Singapura.

Setelah UMNO mengeluarkan rasa tersinggungnya, seharusnya Singapura menuntut maaf dengan Malaysia, adakah pihak Menteri Luar Negeri boleh menyatakan kepada kami di dalam Dewan yang mulia ini sama ada Singapura pernah menulis surat menuntut maaf setelah UMNO mendaftarkan rasa tersinggungnya secara formal terhadap masalah yang dibangkitkan oleh pihak Singapura khususnya kenyataan mengenai 'meritocracy' yang memberi gambaran seolah-olah Malaysia adalah satu negara yang men"discriminate"kan bangsa-bangsa yang lain di dalam negara ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini bahawa perhubungan antara Malaysia dengan Singapura adalah rapat dan baik, dan dengan itu perhubungan di antara Menteri Luar negara Malaysia dengan kerajaan ataupun Menteri Luar negara Singapura telah dapat memberikan ruang untuk mereka berbincang dan memahami untuk memberikan, boleh dikatakan kesedaran, kepada pihak Singapura bahawa perasaan rakyat Malaysia dan juga UMNO khususnya telah disampaikan. Secara ini kita merasa telah memadai. Dari segi komen meritokrasi yang telah dibuat oleh menteri kanan Singapura itu, kita rasa komen-komen atau ulasan-ulasan yang telah diberi oleh pemimpin-pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerusi surat akhbar sudah pun memadai.

PENCEMARAN UDARA DAN BUNYI— UNDANG-UNDANG MENCEGAH

12. Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapa kes pencemaran udara dan pencemaran bunyi telah dikenal pasti mengikut ketetapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sejak 3 tahun yang lalu; dan

- (b) adakah undang-undang yang mampu mencegah masalah tersebut dan sebutkan langkah-langkah untuk mencegah pencemaran udara, pencemaran bunyi dan pencemaran bau busuk.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan;

- (a) Sejak 3 tahun yang lalu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menerima sebanyak 4554 aduan pencemaran udara dan 531 aduan pencemaran bunyi bising daripada orang ramai. Tindakan sewajarnya telah diambil terhadap aduan-aduan berkenaan selaras dengan peruntukan undang-undang yang disebutkan tadi.
- (b) Undang-undang bagi mengawal pencemaran udara dan bunyi yang sedang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar ialah:
- (i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 yang mengawal pencemaran udara dan bau busuk daripada industri dan punca-punca tidak bergerak yang lain;
 - (ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dan Gasolin Motor) 1985 yang mengawal kandungan plumbum di dalam gasolin;
 - (iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 bagi mengawal

asap hitam daripada kenderaan diesel; dan

- (iv) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 bagi mengawal bunyi bising kenderaan bermotor.

Peraturan-peraturan yang disebutkan di atas mempunyai peruntukan mencukupi untuk mengawal masalah pencemaran udara, bunyi bising dan bau busuk daripada punca-punca yang disebutkan. Di samping itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang dalam proses menderaf beberapa peraturan baru bagi mengawal pelepasan daripada kenderaan petrol dan motosikal serta bunyi bising daripada industri dan komuniti.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian bercadang mengadakan pindaan dalam peruntukan undang-undangnya dengan memasukkan pencemaran alam sekitar melalui sampah-sarap dalam bidang kuasanya, kerana terdapat terlalu banyak kes di mana pihak-pihak yang sepatutnya bertanggungjawab bagi mengatasi masalah pencemaran pembuangan sampah secara haram oleh kontraktor-kontraktor pembuangan sampah yang dilantik, terkeliru dengan penafsiran bidang kuasa masing-masing, dalam mengatasi masalah ini yang akhirnya mengakibatkan kes-kes pembuangan sampah secara haram terus berleluasa tanpa sebarang tindakan tegas?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pencemaran daripada sampah sarap atau kotoran daripada pembuangan sampah-sarap di merata tempat tidak dikawal. Walaupun ini adalah satu unsur pencemaran, tetapi perkara ini tidak terlibat dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling. Sebenarnya perkara-perkara tersebut adalah dikawal dalam undang-undang kecil bagi pihak berkuasa tempatan dan bukan Jabatan Alam Sekitar. Buat masa sekarang, saya ingin menjelaskan perkara ini sudah memang ada undang-undang berkaitan, tetapi hanya pihak berkuasa tempatan perlu memper-

tingkatkan penguatkuasaan undang-undang kecil itu.

PERBANKAN TANPA FAEDAH— MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN

13. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempercepatkan lagi pertumbuhan perbankan tanpa faedah (SPTF) iaitu berdasarkan prinsip perbankan Islam. Sejauh manakah sambutan terhadap skim itu setakat ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk mempercepatkan pertumbuhan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), Bank Negara Malaysia telah dan akan memperkenalkan beberapa langkah untuk memantapkan SPTF seperti membenarkan institusi-institusi SPTF membuka cawangan khusus operasi SPTF, meletakkan satu sasaran pertumbuhan SPTF ke atas setiap institusi perbankan SPTF, dan penubuhan Badan Penasihat Syariah untuk menangani isu-isu syariah dalam operasi perbankan.

Bagi tujuan yang sama, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan beberapa garis panduan untuk membantu pertumbuhan SPTF seperti garis panduan mengenai pasaran antara bank secara Islam. Sambutan orang ramai terhadap SPTF adalah menggalakkan berasaskan jumlah deposit dan jumlah pembiayaan. Setakat 30 Jun, 1996 jumlah deposit dan pembiayaan SPTF adalah masing-masing sebanyak RM2.8 bilion dan RM2.6 bilion. Jumlah deposit dan pembiayaan Bank Islam (BIMB) pada tarikh yang sama ialah masing-masing sebanyak RM3.2 bilion dan RM2.3 bilion. Ini menjadikan jumlah deposit dan pembiayaan sektor perbankan Islam masing-masing RM6.1 bilion dan RM4.9 bilion.

Walau bagaimanapun, jumlah deposit dan pembiayaan SPTF adalah masing-masing 0.9% daripada jumlah deposit sebanyak RM235 bilion dan jumlah pinjaman RM217.6 bilion untuk keseluruhan sistem perbankan. Jika BIMB digabungkan dengan SPTF, jumlah deposit dan pembiayaan sektor perbankan Islam merangkumi 1.9% dan 1.7% daripada jumlah deposit dan pinjaman sistem perbankan keseluruhannya.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan sambutan yang begitu menggalakkan terhadap Sistem Perbankan Tanpa Faedah ini, apakah pihak kerajaan bercadang di suatu masa nanti bahawa sistem bank di Malaysia ini seratus peratusnya mengamalkan sistem Islam tidak sebagaimana sistem bank yang ada pada hari ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan pada masa ini ialah memberi pilihan. Setakat ini tidak ada cadangan untuk membuat satu dasar mewujudkan satu perbankan Islam sahaja. Kerajaan tidak mahu apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris "re-invention of the wheel", iaitu di negara kita khususnya, ada permintaan terhadap kedua-dua sistem ini, jadi, kerajaan akan membangunkan sistem perbankan Islam setinggi-tingginya dan juga memastikan bahawa sistem konvensional itu wujud dan terpulanglah kepada rakyat Malaysia yang berlainan agama memilih penggunaan yang mana satu yang dikehendakinya.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu sejauh manakah sambutan yang diberikan oleh saudara kita yang bukan Islam terhadap skim ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sambutan oleh golongan bukan Islam adalah cukup

memuaskan dan memang menggalakkan. Saya tidak ada angka untuk keseluruhannya, tetapi untuk Bank Rakyat yang tidak masuk bawah Bafia sahaja sebagai satu petunjuk di dalam produk al-mudharabah di antara 14,000 pendeposit di dalam al-mudharabah, 12,000 orang adalah bukan rakyat beragama Islam, hanya 2,000 sahaja daripada orang-orang Islam dan al-mudharabah ini adalah bersamaan dengan fix deposit yang mana pemilihan oleh orang yang bukan beragama Islam adalah berdasarkan kepada pulangnya dan sekarang didapati bahawa pulangan melalui sistem al-mudharabah adalah lebih tinggi daripada pulangan yang didapati melalui 'time' ataupun fix deposit.

**KENDERAAN TIDAK
MENGUNAKAN NOMBOR
PENDAFTARAN MALAYSIA—
PERMASALAHAN**

14. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus) minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah pihak kementerian sedar bahawa terdapat kerumitan-kerumitan pengguna jalan raya tentang penggunaan nombor pendaftaran kereta-kereta dan motosikal yang memasuki sempadan yang tidak menggunakan nombor pendaftaran Malaysia. Pemasalahan ini akan merumitkan lagi apabila kenderaan negara jiran terlibat di dalam kemalangan jalan raya dengan kenderaan di Malaysia. Apakah cadangan kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan memang sedar akan isu berhubung kemasukan kenderaan-kenderaan Thailand yang tidak menggunakan nombor plat pendaftaran dalam huruf Roman, ataupun dengan izin, Romanise number plate. Isu ini memang telah dibincang dengan pihak Kerajaan

Thailand yang bersetuju untuk mengarahkan semua kenderaan-kenderaan Thailand yang memasuki Malaysia hendaklah mempunyai terjemahan nombor pendaftaran kenderaan mereka ke huruf Roman ataupun Romanise.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, memang terdapat sebilangan kecil tuan-tuan punya kenderaan Thailand yang tidak mematuhi arahan tersebut. Perkara ini telah pun disampaikan ke pihak berkuasa Thailand untuk membolehkan pihak berkuasa di situ untuk mengambil tindakan sewajarnya. Bagi kenderaan-kenderaan asing pula ataupun kenderaan-kenderaan dari Singapura atau Brunei Darussalam yang memasuki sempadan negara kita, semua ini mempunyai nombor plat pendaftaran dalam huruf Roman (Romanise Number Plate), dengan izin, dan kenderaan-kenderaan seperti ini tidak menimbulkan apa-apa kerumitan.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak JPJ mengambil tindakan ataupun menyenaraihitamkan kenderaan-kenderaan dari negara jiran ini apabila mereka melakukan kesalahan lalu lintas seperti mana yang JPJ ambil tindakan ke atas pemandu-pemandu tempatan. Jikalau ada tindakan yang diambil, apakah hukuman yang dikenakan kepada kenderaan-kenderaan daripada negara asing ini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perhubungan dua hala yang begitu baik di antara Malaysia dan Thailand, dan sama juga antara Malaysia dengan Singapura, maka kebelakangan ini JPJ masih belum, dengan tegasnya mengambil sebarang tindakan terhadap mereka, tetapi walau bagaimanapun, satu mesyuarat akan diadakan di antara wakil-wakil luar negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Malaysia dan juga rakan sejawatnya, yang mana perkara ini akan dibincang dan baru-baru ini saya

difahamkan JPJ akan mengambil tindakan secara "passive", iaitu kita hanya akan menyenaraihitamkan kereta mereka dan tidak membenarkan mereka masuk, jika lain kali, kereta yang sama, yang melintas sempadan tidak mempunyai nombor plat Romanise.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.7 dan 15 hingga 37 akan dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTANAH (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah 1981; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYNOD DIOCESE MALAYSIA BARAT (PERBADANAN) (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Synod Diocese Malaysia Barat 1971; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Oktober, 1996)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebelum saya minta Yang Berhormat Rompin untuk menyambung ucapan beliau, sukalah saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa oleh kerana kesuntukan masa dan lebih-lebih lagi masih terdapat banyak rang undang-undang yang perlu dibentang dan dibahaskan, maka saya terpaksa menghadkan perbahasan atas rang undang-undang yang sedang diperbahaskan sekarang ini. Selepas Yang Berhormat Rompin berucap, kementerian di minta menjawab. Sila Rompin.

3.37 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyambung perbahasan dalam Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1996, saya sekali lagi menyokong akta ini kerana ia merupakan pelarasan gaji, bukan peningkatan gaji, selaras dengan apa yang telah dilaksanakan untuk anggota-anggota sektor awam. Oleh kerana itu, saya, seperti rakan-rakan sekalian, tidak teragak-agak menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perkara ini, semalam kita telah mendengar banyak ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah membuat pandangan terutama sekali saya tertarik dengan Cheras. Ahli dari Cheras banyak mengutarakan pandangan-pandangan yang bernas, tetapi dia boleh diibaratkan sebagai Wakil Rakyat Tol.

Saya berkata begitu-pembangunan dibuat oleh kerajaan, pembinaan dibuat oleh kerajaan, tetapi dia pasang tol untuk mendapatkan mileage politic. Ini cara dia. Cara dia, dia perhati dan tengok kemudian dia bangun-dia hendak claim mileage politic. Ini Cheras. Contohnya, dia mengatakan bahawa, dalam *Hansard* yang saya baca malam tadi, dia kata Wakil Rakyat BN tidak bekerja, tidak memberi perkhidmatan, selepas menang pilihanraya-lari, buat kerja separuh jalan-hai. Kalau ini saya rasa cara.....

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti dahulu, saya belum habis lagi. Dengar dahulu saya punya penjelasan, nanti saya boleh beri kepada Cheras. Dengar dahulu, ada jalan nanti, baru kutip tol-ini belum habis buat jalan lagi.

Saya yakin, kalaulah Wakil Rakyat Barisan Nasional tidak balik ke kawasan, bila bertanding UMNO bahagian mesti kalah-betul atau tidak? Betul. Selalunya wakil rakyat menang, sebab dia melaksanakan tugasnya dan saya rasa juga dari segi kerja ini, selain dari wakil rakyat sendiri yang bekerja, sama ada mereka ini duduk dalam kawasan atau tidak duduk dalam kawasan, masing-masing balik setiap minggu. Kadang-kadang dia terpaksa balik sebab isterinya tinggal dalam kawasan-jadi, terpaksa balik. Tidak tahulah Yang Berhormat ada isteri atau tidak, saya tidak tahulah? Ada?

Seorang Ahli: Di kampung!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, di Barisan Nasional selain daripada usaha wakil rakyat sendiri melaksanakan tugas mereka sebagai wakil rakyat, tetapi kita ada juga jentera kerajaan untuk membela dan melaksanakan mandat kita.

Ada dua, satu usaha wakil rakyat sendiri, yang kedua, usaha Barisan Nasional—kerajaan, pentadbiran daerah sendiri.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Barisan Nasional bekerja ada bantuan daripada jentera-jentera kerajaan. Bagaimana kalau sebuah kerajaan yang memerintah tetapi ia berbalah dengan pegawai-pegawai kerajaan seperti yang berlaku di negeri Kelantan baru-baru ini? (*Ketawa*)

Saya lihat bagaimana wakil rakyat yang berucap ni, wakil rakyat yang menjadi sebahagian daripada kerajaan mencerca, memaki pegawai-pegawai kerajaan di dalam Dewan secara terbuka menunjukkan pertentangan. Bagaimana kerajaan ini ingin berjalan? Cuba Ahli Yang Berhormat dari Rompin memberi pendapat!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin DAP akan sokong, sebab kawan dia! (*Tepuk*) Betul atau tidak? PAS rakan baik DAP dan saya yakin apa yang disebut oleh wakil PAS, wakil kawasan mana, negeri mana?

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Belum habis lagi!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Belum habis jawab, hendak jelas apa lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Takut!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan takut! Saya belum bercakap lagi apa yang hendak dikata?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia belum beri laluan lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu hak dia Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: You cannot pream you banyak, macam mana boleh ambil hati perkara yang saya belum cakap!

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu terasa itu, bila salah sudah terasa.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat sudah cakap! (*Pembesar suara dimatikan*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bila salah terasa!. Kalau saya hendak beri jalan, saya hendak beri kepada PAS dahulu. Selepas itu baru saya beri kepada DAP.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu terpulang kepada Yang Berhormat, sama ada hendak beri jalan atau tidak ya?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya bersetuju, saya nampak tak mungkin kerajaan negeri dapat berfungsi, kalau seluruh pentadbirannya sudah jelas tidak ada 'confident', tidak ada kepercayaan kepada kerajaan negeri lagi. Saya minta kalau boleh PAS beri pandangan tentang perkara ini.

Saya ingat yang paling baik sekali Menteri Besar Kelantan letak jawatan (*Tepuk*) dan bubar Dewan dan kalau DAP hendak buat kerja tolong PAS, ha! boleh datang ke Kelantan tolong kempen untuk PAS.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada yang bangun ini.

Tuan Lim Kit Siang: Apa pendirian PAS itu hal PAS, bukan tanggungjawab dan tugas kita untuk memberi pendirian. Tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat ada menyentuh berkenaan DAP dan andaian pendirian DAP, tetapi apa yang ditunjukkan atau apa yang diandaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin tunjuk dia 'otc'—otak tak centre! (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini kena tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau seorang Ketua Pembangkang, saya ingat elok tak diterima naik gaji ini. Tarik baliklah!

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti, nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tarik balik kalau dia tarik balik andaian-andaian yang tidak berasas langsung. Saya rela tarik balik! Tetapi dia tarik balik, tetapi dia tarik balik

Seorang Ahli: 'Pi'lah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau Ketua Pembangkang ...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat, biar saya buat keputusan dahulu! Saya rasa Ahli Yang Berhormat

dari Tanjong, janganlah gunakan perkataan 'otak tak centre' dan sebagainya. (*Ketawa*)
Ini saya rasa 'unparliamentary' juga. Andaian yang dibuat itu sayarasa bukanlah 'unparliamentary' walaupun tidak semestinya disenangi oleh Ahli Yang Berhormat. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh terima kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua buat ruling

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, duduk! Ruling bahawa 'otc'—otak tak centre unparliamentary—baik. Tetapi saya harap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap jangan buat ucapan yang ber'otc'-yang berotak tak centre, yang tadi ada ditunjukkan. Bukan tak disenangi. Perkara tak disenangi itu tak timbul. Perkara yang tak berasas, sebab itu saya haraplah. Kita hormat masing-masing, jangan memberi ucapan ber'otc'.

Seorang Ahli: 'Pi'lah!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang sensitif sangat dengan perkara ini—mengapa? Kalau benar DAP tidak bersetuju dengan pandangan PAS—buat kenyataan! Adakah Ketua Pembangkang sebagai Ketua DAP tidak bersetuju cara PAS buat-buat kenyataan kepada Dewan ini, surat khabar boleh publish besok. Bersetuju atau tidak dengan cara PAS buat di Kelantan?

Tuan Lim Kit Siang: Adakan satu perbahasan khas, kita boleh bahaskan!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Buat apa perlu perbahasan lagi, buatlah sekarang!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan ber'otc'. Jangan ucapan berotak tak centre! (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hah! Ini politik, apa yang saya buat dah salah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Rompin, saya rasa sudah cukup Yang Berhormat. Baliklah kepada tajuk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalaulah Ketua Pembangkang agak sensitif, itu okaylah, kita terimalah, kawan baik dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang 'otc' itu sudah cukup Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Pukul dek Machang sedikit sahaja, dia sudah terasa sensitifnya! (*Ketawa*)

Saya berbalik kepada ini apa yang ada dalam *Hansard* ini, saya ulas sedikit ucapan Ahli Yang Berhormat dari Cheras. Dalam *Hansard* beliau berkata bahawa, ini satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Cheras, wakil rakyat tol ini, orang yang punya jalan, dia hendak dapat mileage ini. Dia kata: "Mutu perbahasan BN teruk, yang tinggi hanya DAP." Dalam *Hansard* ini.

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun ini.

Tuan Tan Kok Wai: Isi kandungan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Rompin sudah membuktikan kenyataan saya itu benar. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Benar! Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, kalau hendak menilai sesuatu itu pergi ambil orang yang tak ada kena mengena dalam politik, barulah dia menilai. Ini 'letak dalam bakul angkut sendiri'—ini apa dia ini? (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Style DAP

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: DAP punya 'style'kah?

Saya nampak di sini ada Profesor Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ini, Yang Berhormat Dr. Nungsari ini—bukankah dia ini Profesor universiti ini? Tak ada kualitikh dia ini? Apa lagi ini! Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju ini, (Dr.) pernah menjadi Naib Canselor universiti dahulu—tak ada kualitikh?

Saya hendak tengok, siapa ada, para akademikkah yang di sebelah sana? Yang sebenarnya, Kepong mungkin saya bersetuju. Kepong ada kualiti, itu saya bersetuju! (*Ketawa*) Kepong, Ketua Pembangkang ada kualiti, anak dia mungkin, tak 'sure' lagi. (*Ketawa*) Yang lain-lain—Cheras kutip tol sahaja. (*Ketawa*) Jelutong—pakar satu dalam peguam ya, yang lain belum tahu!

Seorang Ahli: Eh! Ada lagi! (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik juga mengatakan ini isu juga, bahawa saya ingat perlu dijelaskan, kalau tidak nanti berlaku tafsiran yang salah! Dia kata: "Wakil Rakyat Barisan Nasional..." Saya yakin Wakil Rakyat Barisan Nasional, majoritinya masih lagi orang yang tidak berada, betul atau tidak?

Seorang Ahli: Betul!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betul! Kalau ada pun ada sedikit harta mereka berusaha sendiri. Ada juga wakil rakyat yang saya difahamkan pakai teks di dalam *Hansard* ini. Betul! Yang buat tuduhan yang melulu ini kenapa? Ini saya nampak macam sudah mula rentak untuk pilihanraya yang akan datang ini. Lambat lagi ya Cheras! Tak payahlah melempar tuduhan yang tidak kena-mengena ini—tolonglah! Cubalah memberi cadangan dan pandangan yang baik untuk membela masyarakat kita di negara ini.

Yang kedua, saya hendak menyentuh sedikit tentang peruntukan RM300,000 ini. Kawasan DAP pun kita beri juga,

tidak hanya RM300,000 diberi kepada semua kawasan di negara kita. Tetapi yang Wakil Rakyat Barisan Nasional itu boleh memberi pandangan. Yang bukan—DAP ini kita hendak beri peruntukan kepada mereka, takut mereka salah gunakan wang, itu yang menyebabkan kita tidak beri sebenarnya!

Kita beri melalui pejabat daerah. Kalau misalnya di kawasan Cheras, ada orang yang hendak minta peruntukan, cadangan mereka berjumpa dengan pegawai tadbir kawasan dan pegawai tadbir kawasan di situ atau pegawai daerah boleh menimbang. Ahli Yang Berhormat boleh memberi recommendation yang baik, saya yakin pegawai daerah boleh terima. Tetapi kalau hendak putar belit tak boleh diterimalah. Fair atau tidak?

Yang banyak yang dikatakan tidak adil ini nampak gendang pilihanraya yang saya nampak Ahli Yang Berhormat. Saya rasa tak perlulah kita hendak berhujah panjang lebar. Ini Kota Melaka pula, dia sengaja membawa cerita, isu kehadiran ini hendak attack MCA. Mungkin ini persediaan awallah, takut kepada MCA.

Saya nampak mungkin DAP dengan MCA sekali masuk sekali lebih senang, lebih baik begitu. Saya nampak hujah yang diberi tentang kehadiran itu hanya untuk menggunakan statistik untuk kepentingan politik. Jelas saya nampak dan saya nampak rakyat kita tidak mungkin terpengaruh dengan usaha-usaha yang dibuat oleh Kota Melaka, saya kiralah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Oh, boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin bertanya sahabat saya, Yang Berhormat dari Rompin, kalau beliau mempunyai rekod kehadiran sebanyak 8% seperti Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, iaitu malas datang Dewan, tak mahu datang Dewan, adakah beliau merasa bangga dan beliau malu atau tidak untuk menerima gaji bulanan sebagai seorang Ahli Parlimen?

Saya rasa tentu Yang Berhormat tidak akan menerimanya sebagai seorang yang ada maruah diri. Tetapi untuk seorang yang hanya rekod kehadirannya 8%, mengapakah dia masih berani menggelarkan diri sebagai Menteri yang bertanggungjawab?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya nampak DAP ini takut benar kepada MCA. Saya ingat elok cuba cari juga alasan yang lain.....

Tuan Lim Guan Eng: Jawablah....jawab!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia masing-masing hendak cuba menawan hati kaum Tionghua. Itu yang sebenarnya bersaing. Timbalan Presidennya ada. Mula-mula dia mengusik Presiden, selepas itu akan datang dia mengusik Timbalan Presiden. Timbalan Presiden popular, jadi mungkin dia tak berani hendak usik. Tetapi saya nampak persaingan untuk menawan hati MCA ini.....

Tuan Lim Guan Eng: Timbalan Presiden rajin sedikit, dia ada hadir. Dia rajin sedikit. (*Ketawa*) No, we give credit where it is due, Tuan Yang di-Pertua. Dia rajin, dia ada di sini. We give credit. Tetapi Presiden itu tak boleh pakai, malas! (*Disampuk*)(*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.... jangan cuba hendak berdialog Yang Berhormat! (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kota Melaka tolong ada decorum sedikit sebagai Ahli Parlimenlah! Ini macam takut sangat. Macam bayangan MCA ini, mengapa?

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tanjung Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Rompin mengenai kehadiran ke Parlimen. Kehadiran ke Parlimen ini adakah mesti duduk satu hari atau pun duduk sekejap pun dikira hadir?

Sebagai contoh, hari Khamis yang lepas, Ketua Pembangkang dia masuk pukul 6.25—lagi lima minit Dewan hendak ditangguhkan baru dia masuk. Jadi, kehadiran 5 minit ini adakah merupakan seorang Ahli Parlimen yang berkualiti? Kalau macam itu, satu minit pun kita boleh datang! Jadi contoh yang Ketua Pembangkang buat hari Khamis lepas ini bolehkah diambil kira?

Tuan Lim Guan Eng: Salah, ini salah!
Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bersetuju. Memang kalau dia salah macam mana pun, dia terpaksa bela—ayah beliau! (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato'

Mohd. Jarjis: Saya hendak beri wanita dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat. Ada tiga orang peminat.

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Beri Parit dahulu, selepas itu Kota Melaka. Beri Parit dahulu, selepas itu saya beri Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap sahaja.....sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, nanti dahulu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berilah wanita. Ladies first. (*Disampuk*)

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat dari Rompin, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kehadiran di Parlimen merupakan salah satu daripada tanggungjawab Ahli Parlimen, bukannya tanggungjawab khusus? Ini kalau tidak silap saya diakui juga oleh Ahli-ahli Parlimen dari England.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bersetuju benar. Itu jawapan yang kita boleh terima kerana nampaknya Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Tanjong Karang yang tidak benar kerana kalau kita rujuk kepada *Hansard* pada 17hb Oktober 1996 iaitu hari Khamis, pukul 3.35 petang—sebelum itu Yang Berhormat Ketua Pembangkang

sudah ada. Mungkin Yang Berhormat Tanjong Karang tidak ada. Dia hanya masuk pada pukul 6.25 petang, oleh sebab itu dia tidak tahu! Tetapi itu tidak apa.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa di antara tugas yang paling utama, kita tidak harap setiap Ahli Parlimen hadir setiap hari, tetapi adakah boleh diterima prestasi 8% sahaja? Lebih-lebih lagi seorang menteri yang tidak pernah datang. Saya kasihan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, setiap kali kenajawab untuk Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Saya kasihan pada dia—dia macam buat kerja dua orang, tetapi gaji seorang sahaja.

Sebab itu, saya harap mendapat jawapan, Yang Berhormat setuju atau tidak seorang mesti bertanggungjawab serius dengan tanggungjawab sebagai seorang Ahli Parlimen? Serius, jangan main-main! 8%, main-main! Macam ini seperti ponteng sekolah!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab yang pertama dahulu. Jelas terbukti Yang Berhormat Kota Melaka dia terus bela ayahnya. Sebab itu nanti apabila ayahnya hendak meninggalkan DAP, dia akan serahkan kepada anaknya supaya kalau ada masalah dahulu, anaknya boleh bela!

Kalau serahkan kepada Kepong dengan Jelutong, hai, di'godeh'nya! Nanti apa dia perkhidmatan yang baik oleh Ketua Pembangkang tidak akan menjadi baik kalau terlepas kepada Kepong dan terlepas kepada Jelutong.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Machang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Silakan Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka kata, Ahli Parlimen yang tidak datang makan gaji buta. Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Rompin, bagaimana kalau Ahli-ahli Parlimen yang datang ke sini duduk diam, tak pernah bercakap selama 8 tahun? Tetapi bila turun ke bawah, maki hamun orang nombor satu! (*Tepuk*) Tetapi datang di dalam Dewan tak pernah berucap! Saya sebut sebagai contoh, Yang Berhormat dari Bachok (*Tepuk*) hebat maki orang! (*Ketawa*) Tetapi datang ke sini 6 tahun saya perhatikan sebagai Wakil Rakyat, tak pernah berucap!

Bangun, "Tuan Yang di-Pertua, soalan no. 8....." Itu semua orang boleh! (*Ketawa*) Tetapi berbahas, tak pernah ambil bahagian! Bagaimana macam ini—sikap Wakil Rakyat? Ini gaji buta jugakah macam ini? (*Tepuk*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu oleh kerana PAS, Kota Melaka kata, "tidak"! (*Ketawa*) Saya yakin kalau saya serahkan kepada Kota Melaka, dia kata tidak ada masalah. PAS ini dia kata, sebab dia tengah berdoa. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: I hope, he should not put words in my mouth, dengan izin. Saya tidak cakap begitu. Itu hal bekas 46 dengan PAS, kita tak mahu campur. Kalau itu tidak betul, tidak betullah! I mean, the fact is a fact, tetapi itu terpulang kepada mereka. Itu Kelantan bukan hal kita! Please do not drag me in!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bermakna Kota Melaka, statistik oleh PAS lebih teruk daripada Ketua MCA.

Tuan Lim Guan Eng: No, kalau ada.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Lagi pun pula....

Tuan Lim Guan Eng: Kalau ada, saya setuju. Kalau ada dan kalau itu benar, saya setuju. Tetapi saya tidak ada statistik.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Maknanya pandangan yang sama.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak ada statistik mana-mana, saya ada statistik menteri. Menteri Pengangkutan saya ada—8%. So, saya cakap mengikut fakta. Kalau ada fakta, harap boleh tunjukkan apakah rekod kehadiran—berapa peratus? Saya ada, 8%! On record!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: On record?

Tuan Lim Guan Eng: Official.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: On record bermakna Kota Melaka menuduh Ahli Parlimen, termasuk PAS ambil gaji buta! That is a fact!

Tuan Lim Guan Eng: Termasuk BNlah! Termasuk Menteri Pengangkutan. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak beri peluang kepada PAS, nak jawabkah? (*Ketawa*) Tetapi juga, selain daripada Presiden MCA dan Ahli Parlimen, beliau juga adalah menteri, ada tugas-tugas lain. PAS bukan menteri pun! Sepatutnya PAS boleh berucap! Mengapa tindakan yang sama, ulasan yang sama dan tuduhan yang sama tidak dibuat kepada mereka, Yang Berhormat Kota Melaka? Ini pilih bulu! Kalau lawan, bahan; kawan, senyap! Ini double standard!

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Jelutong bangun. (*Disampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Bolehkah Ahli Yang Berhormat memberi penjelasan, siapa untuk kepentingan negara baik, seorang yang senyap seperti Yang Berhormat dari Bachok atau seorang dari Machang—seorang pengkhianat (*Ketawa*) termasuk kepalanya, Tengku Razaleigh dan semua pengkhianat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, siapa baik?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Jelutong.... Yang Berhormat Jelutong....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tarik balik sebab you have abused the floor! Jelutong!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya belum habis...saya belum habis!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: You have abused the floor! (*Disampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Saya belum habis!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti dahulu. Saya hendak mencelah sedikit.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Rompin, nanti dahulu. Jelutong, saya suka mengingatkan Yang Berhormat, perkataan 'pengkhianat' itu sebenarnya unparliamentary.

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, pernah ianya diputuskan. Lebih-lebih lagi Yang Berhormat khususnya Ahli yang tertentu.

Saya rasa ini tidak kena. Kalau secara umum....

Tuan R. Karpal Singh: Saya tukar perkataan itu dengan 'orang yang tidak boleh dipercayai'. Siapa baik! (*Ketawa*) Orang yang senyap dari PAS—itu tidak kira, tetapi orang baik dengan seorang seperti itu yang duduk di sana sekarang mahu cuba untuk berhenti. Bangun sekarang ini. Adakah orang seperti itu boleh diterima sebagai orang yang baik dan orang yang ikhlas dalam Dewan yang mulia ini? Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed ini? (*Ketawa*)(*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nama tak boleh sebut Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Jelutong....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, adat orang lama tak faham itu!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, the performance yang terbaik kita nampak. Bila hendak menuduh BN, dia pakai ukuran yang lain; bila hendak bela kawan, dia pakai ukuran yang lain. Tadi, yang mana Jelutong tidak bersetuju yang Kota Melaka kata PAS ini mendapat gaji buta. Jelutong tak bersetujukah? Sebab ini sudah ada perbezaan pendapat di kalangan Jelutong dengan Kota Melaka. Jelutong, kalau salah itu, salahlah seperti Kota Melaka kata.

Kota Melaka bagus, what is wrong, is wrong. Alhamdulillah. Sebab itu, saya panggil dia sebagai kawan dan rakan-rakan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tanjong bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak beri kepada Machang. Machang bangun tadi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Rompin. Yang Berhormat sendiri selama ini, kedudukan di negeri Kelantan mengapa bekas Semangat 46 mengambil sikap—tadi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong menuduh kami sebagai pengkhianat, itu bahasa dialah, saya tak mahu kisah itu. Ahli-ahli Dewan ini boleh nilai sendiri. Yang Berhormat sendiri, saya percaya Yang Berhormat tidak pernah mengalami apa yang kami alami di negeri Kelantan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, orang yang memperjuangkan Islam boleh berbohong atau tidak?

Satu saya hendak tanya. Orang yang memperjuangkan Islam boleh mungkir janji atau tidak? Orang yang memperjuangkan Islam boleh maki orang atau tidak? Cuba Yang Berhormat dari Rompin jawab secara rasional. Barangkali Yang Berhormat dari Jelutong tidak tahu apa yang berlaku di negeri Kelantan. Pagi cakap lain, petang cakap lain, tetapi mendabik dada mengatakan ulamak! Ini yang menjadi masalah di negeri Kelantan. Yang Berhormat sendiri sedar atau tidak perkara ini?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Saya setuju benar dengan Machang. Sebab itu cara hendak menyelesaikan ini, kita minta sokongan daripada DAP, nasihat kawan dia, bubarkan Dewan, adakan pilihan raya yang baru, itu yang paling sesuai, tetapi tak berani, dia mungkin hendak sedikit nasihat dan moral support daripada DAP, tetapi DAP tak hendak beri moral support kepada Pas, dia beri support perlahan-lahan sahaja.....

Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:
(Bangun)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Ha, saya nak beri kepada Pas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kuala Krai bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya cadang tak payah bubar, minta S46 satu sahaja letak jawatan, pilih mana satu kawasan S46 letak satu, kita cuba tengok sebulan. Cuba, tak payah bubar semua. Kalau bubar semua, Umno pun susah juga kena turun. Bubar satu sahaja S46.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Saya nampak ini bukan macam hendak main bola, ini persoalan mandat. Sudah jelas rakyat Kelantan menolak kerajaan yang ada, bukan sahaja rakyat, pentadbiran negeri sendiri menolak. Apa yang ditunggu lagi? Ataupun hendak menunggu nasihat dan pandangan daripada DAP, saya tak tahulah.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa sangat anehlah di Dewan yang mulia ini di mana MCA menang dapat kerusi yang begitu banyak dalam sejarah-32, termasuk satu kerusi yang masuk daripada pintu belakang, pintu bawah. (Ketawa)

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

32 ahli Parlimen tetapi perlu seorang ahli Parlimen Umno untuk membela Presiden MCA mengenai kehadiran dalam Dewan yang mulia ini. Bukankah ini sangat malu?
.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: (Bangun)

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis, belum habis.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Hai, saya yang buat keputusan.....

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis, saya belum habis.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Hak saya.....

Tuan Lim Kit Siang: Hak saya belum habis, hak saya belum habis.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Cukuplah, ini dah.....

Tuan Lim Kit Siang: Hak saya belum habis, tak ada hak untuk berhenti bila-bila.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Rompin nak beri jalankah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, hak saya menentukan, kan?

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat tak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Dah beri jalan, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habiskan penjelasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, biar dia habiskan, Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah beri dia jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, tak ada hak untuk berhenti bila-bila. Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Duduk sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Saya nak tarik balik, saya nak beri Kepong. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Tarik tak boleh, duduk, duduk. Saya mahu tanya penjelasan, duduk. I hold the floor, not you, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, orang kata, tarik balik itu 'buruk siku'. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Ha! Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini sangat aneh dan sangat malu untuk semua ahli Parlimen MCA bahawa sungguhpun mereka ada ramai perwakilan tetapi tidak ada seorang yang boleh sanggup, boleh berupaya untuk mempertahankan Presiden MCA tetapi perlu seorang ahli Parlimen daripada Umno yang menunjukkan sebenarnya semua ahli Parlimen MCA tak guna atau barulah ahli-ahli Parlimen Umno berguna sahaja.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Ini macam pilihan raya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya. Itu saya ikut contoh Yang Berhormat dari Rompin.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari Rompin buat teladan.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis, duduk, tak boleh cakap apa-apa suka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, nanti sekejap ya!

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat, nanti, duduk, duduk. Kita mahu tahu adakah Yang Berhormat setuju.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memperingatkan, kalau tak mahu beri jalan, jangan beri jalan. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Ha, lain kali jangan beri jalan, lain kali jangan beri jalan. (*Ketawa*) Sekarang sudah beri jalan, duduk. Itu nasihat yang baik, nasihat yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Dia melencong!

Tuan Lim Kit Siang: Duduk, duduk. Bukankah Yang Berhormat bersetuju.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap, sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Duduk, duduk.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tanjong, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat dari Rompin setuju dia sendiri jauh daripada Tanjong, dia mahu berpolitik, oh, pergi Kelantan dan balik, lagi pergi Kelantan dan balik, dia mahu main-main politik, lain orang ikut contoh,

dia marah. Bukankah ini satu contoh yang tidak baik? Terima kasih. Lain kali kalau takut, jangan beri jalanlah. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Tidak takut. Kita bercakap tentang Pas, dengan S46.....

Tuan Lim Si Cheng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Ini MCA nak bangun, saya serah kepada MCA sekarang. MCA sanggup bela Presiden dia. Saya serah kepada MCA suruh bela.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara saya hendak kemukakan. Yang pertama, adakah DAP sudah cakap banyak dalam hal ini? Yang kedua, bila Yang Berhormat sebutkan masalah tentang PAS, DAP cakap 'no comment', apabila sebut MCA, banyak cakap. Adakah DAP takut sama MCA? Sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya? Yang ketiga, apabila seorang menteri tidak ada di Parlimen, menjalankan tugas di luar Parlimen, kemungkinan di luar negara untuk kepentingan negara, adakah tugas menteri itu? Masalah apabila wakil rakyat dari Jelutong selalu tak datang kerana pergi ke mahkamah, tidak hadir kerana ada kes di mahkamah, jadi Yang Berhormat bersetujukah dengan saya 'double standard DAP', siapa yang menjaga kepentingan diri? Adakah perkara yang berlaku kepada DAP, mereka juga tidak malu menerima gaji daripada kerajaan? (*Tepuk*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Apa yang Ketua Pembangkang kata MCA boleh membela, tetapi giliran saya bercakap saya nampak benda yang tak betul saya betulkan sebab Barisan Nasional kita bela sesama sendiri. Ya. (*Tepuk*) Apa salah saya bela MCA sebab dia sama-sama dalam Barisan

Nasional. Sebab itu saya bertanya tadi oleh kerana sama-sama pembangkang sebab itu saya tanya sama ada DAP mahu bela Pas. Itu saya bertanya, tak mahu beri kenyataan. Jadi, cukuplah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong rang undang-undang.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Ha, PAS ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nak beri jalankah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Sebelum itu saya nak bertanya dahulu, adakah bersetuju dengan Kota Melaka, dia kata ramai ahli Parlimen Pas dapat gaji buta kerana hadir ke Parlimen pun tetapi tak bercakap, setujukah Yang Berhormat? (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya ada dengar di luar tadi Yang Berhormat dari Machang memberi contoh Yang Berhormat dari Bachok, di luar bercakap caci maki orang tetapi datang di Dewan ini tidak bercakap. Ini makan gaji buta, ertinya begitulah. Sekarang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat dari Merbok itu juga makan gaji buta? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Pandai, jawab soalan dahulu, barulah mengatakan orang. Ini mengatakan orang sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bachok bercakap tetapi Merbok tak bercakap, serupalah itu!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah Yang Berhormat bersetuju.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Saya beri Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat tahu ada beza banyak Merbok dengan Bachok ini. Merbok tak turun ke bawah maki hamun orang, dia buat kerja hendak membina negara (*Tepuk*) tetapi yang Bachok ini datang ke sini diam, turun ke bawah, maki. Bukan sahaja Bachok ini, Tok Guru pun maki orang sekarang ini, Yang Berhormat. (*Tepuk*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sekejap. Kena ikut peraturan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Eh, saya bercakap ini. (*Ketawa*) Berilah saya dahulu. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya serahkan kepada Machang? Betul. Sebab itulah saya katakan paling baik untuk Pas sebab kita bercakap tentang bertaubat, buat balik cara jalan Islam. Macam Tok Guru kata, satu tokoh di Kelantan, dia kata 'bukan manusia', saya kurang jelas. Machang tolong beritahu, macam mana Machang?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dia minta penjelasan saya pula? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sekejap. Siapa yang kena beri jalan?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ada peraturan, standing order begitu boleh?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya nampak Machang hendak bangun, saya serah kepada dia sebab dia minta.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat dari Rompin, saya minta penjelasan, mungkin Yang Berhormat sedar beberapa kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Kelantan selaku seorang ulama akhir-akhir ini, misalannya Kebawah Duli Tuanku bukan golongan manusia, kemudian menuduh orang-orang Parti Melayu Semangat 46 ini sebelum berbaik dengan Pas dahulu, hendak baca 'assalamualaikum' pun tak ada tasydid lagi, tak pandai lagi, baca 'Bismillah' pun tak pandai. Kemudian lepas itu, dia ulangi lagi, dia kata Parti Melayu Semangat 46 bila belum berkawan dengan Pas dahulu, kalau dalam bahasa Kelantan dia panggil 'cekak mulut', pegang mulut dia, suruh sebut perkataan 'Islam' dia tak sebut. Bolehkah orang yang bertaraf ulama menghina orang Islam lain seperti ini? Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat dari Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak suruh sebelah PAS menjawab? Jelas, PAS mungkin dia kata 'tidak setuju' walau macam manapun, tetapi itu adalah hakikat yang sebenar. Yang paling baik seperti yang kita sarankan, kembali kepada rakyat, baik Yang Dipertuannya dan kembali bertaubat. Saya rasa sudah lama dan saya takut pakar peguam berani kompelin.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ingat kita tutup sahajalah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Last!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab Tuan Yang di-Pertua, sudah beritahu tadi masa tidak ada.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Last, one! Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab Yang Berhormat Menteri sudah siap hendak menjawab. Okay, satu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tadi, Yang Berhormat dari Machang ada menyebut Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan di antara Yang Berhormat dari Bachok dengan Merbok ini. Itu persoalan yang telah ditimbulkan tadi.

Sekarang saya ingin bertanya pada Yang Berhormat dari Rompin, 'orang Bunyamin dari Bachok ini pergi keliling negara ini kerana hendak memperkuatkan parti'. Tetapi sebaliknya Yang Berhormat dari Machang dan Presidennya Yang Berhormat dari Gua Musang, mereka pergi keliling negara untuk menghancurkan parti. Rompin setuju dengan pendapat saya? (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: 'Mengukuhkan partikah atau memecahkan umat Islam dan Melayu?' Menuduh apa yang tidak ada, selepas itu dikutip duit. Kalau hendak mengukuhkan dengan mengutip duit itu caranya—saya tidak tahulah. Saya dengar cerita untuk seorang penceramah kalau mutunya tinggi sedikit macam Ketua Pemuda, bayarannya RM5,000. Jika collectionnya lebih dari RM5,000, yang lebihnya itu diberi kepada jawatankuasa kawasan, kalau kurang dari RM5,000 itulah yang pemimpin kawasan hantar barang emas pergi ke pajak gadai.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat cukup, balik kepada asal.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, saya perlu memperbetulkan.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab saya sudah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Balik kepada tajuk.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya perlu memperbetulkan, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cukuplah saya kata-cukuplah! Saya.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebab kenyataan yang dibuat oleh Rompin dan juga dari Machang itu semuanya 'karut' (*Ketawa*) itu adalah 'tahyul' dan tidak boleh dipertanggungjawab.

Seorang Ahli: Karut!

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Semua kenyataan yang dikeluarkan oleh Machang.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta kembali kepada tajuk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Rompin adalah 'karut' dan 'tahyul' semua.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat kalau hendak berbahas.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah contoh PAS yang bercakap di luar seperti Machang kata.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Rompin minta kembali kepada tajuk, kalau ada perbahasan yang lain-lain, kita ada di masa Belanjawan, nanti ada perbahasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya minta diberi kesempatan selama setengah jam untuk saya mengolahkan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat kita ada perbahasan dalam masa Belanjawan nanti.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okaylah saya sekali lagi.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kenyataan yang dikeluarkan oleh Rompin itu adalah 'karut' dan 'tahyul'!

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: Pergilah!

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Memberi jalan kepada Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed*)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau kenyataan yang saya keluarkan tadi 'karut' tolong sampaikan kepada Yang Berhormat dari Tumpat cari masjid kita 'junjung al-Quran'—sebagai orang Islam. Kalau kenyataan yang saya keluarkan tadi 'karut' bahawa pemimpin PAS 'tidak berbohong', pemimpin PAS 'mungkin janji' Kalau tuduhan saya ini tidak betul, tolong Yang Berhormat dari Rompin sampaikan kepada Yang Berhormat dari Tumpat cari masjid dan kita 'junjung al-Quran'.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:saya rasa sudah banyak dipercakapkan, dibahaskan. Dalam rang undang-undang ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sebab saya rasa tidak perlulah saya beri peluang kepada Yang Berhormat dari Tumpat untuk menentukan tempat di masjid mana, hanya maklumkan kepada surat khabar dan surat khabar boleh tentukan, umumkan kita semua pergi ke masjid itu.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan menyokong.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Biar dia teruskan Yang Berhormat. Dia tidak mahu beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:Akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila, jawab Yang Berhormat Menteri.

4.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menggulung perbincangan mengenai Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996 yang telah saya bantangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin pada peringkat awal ini memberitahu bahawa saya tidak akan memberi jalan oleh kerana kesuntukan masa dan Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi telah mengatakan bahawa Dewan ini dikehendaki membahaskan dan meluluskan lebih kurang 30 rang undang-undang.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Cheras, Parit Sulong, Kubang Kerian, Kota Melaka dan Rompin yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Terima kasih juga di atas sokongan dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan pada rang undang-undang tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin yang sudah menjawab hujah-hujah yang tidak berasas dari pihak pembangkang iaitu bagi pihak saya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak saya nafikan bahawa peranan dan tanggungjawab wakil rakyat-wakil rakyat pada hari ini begitu mencabar dalam menghadapi segala tuntutan, permintaan dan kehendak bukan sahaja dari kalangan rakyat atau pengundi, malah keadaan persekitaran juga, apatah lagi dalam era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat. Maka peranan dan tuntutan tanggungjawab sebagai wakil rakyat begitu mendesak dan memerlukan perhatian atau pembelaan sewajarnya.

Saya cukup faham dan bersimpati dengan masalah-masalah sepertimana yang dikemukakan khususnya apa yang

telah diutarakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong. Saya juga sedar mengikut Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Ahli-ahli Parlimen adalah berhak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan lain mengikut apa-apa kadar dan apa-apa had dan syarat sebagaimana diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Seksyen 5, sepertimana yang diperuntukkan.

Justeru itu saya akan berusaha sedaya mungkin untuk memaklumkan dan menarik perhatian pada kerajaan bagi menimbangkan segala permintaan-permintaan yang berasas dan bernas ini demi kepentingan semua wakil rakyat kalau kerajaan ada kemampuan.

Bagaimanapun saya berkeyakinan dan menaruh penuh kepercayaan bahawa wakil rakyat-wakil rakyat khususnya dari komponen Kerajaan Barisan Nasional akan terus memberi perkhidmatan dan menunaikan segala tanggungjawab yang diamanahkan demi kepentingan rakyat, walaupun terpaksa berhadapan dengan berbagai cabaran dan halangan dan bukan kerana untuk kepentingan atau mencari kekayaan diri sendiri seperti yang didakwa oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi di sini bahawa rang undang-undang ini merupakan satu urusan pelarasan saraan perkhidmatan sektor awam yang biasa dilakukan atau routine, dengan izin routine maters, mengikut keadaan dan prosedur semasa.

Pelarasan saraan anggota perkhidmatan awam telah dilakukan pada bulan Mac yang lalu dan disusuli dengan pelarasan saraan anggota Suruhanjaya dan anggota Perkhidmatan Kehakiman. Oleh itu, untuk mewujudkan persamaan dengan lain-lain perkhidmatan dalam sektor awam, maka wajarlah pelarasan saraan ini dilakukan ke atas anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen.

Saya juga ingin menegaskan dan membetulkan liputan-liputan pihak media-

massa beberapa hari yang lalu, yang seolah-olah memberi gambaran kurang tepat dan menimbulkan salah faham orang awam akan tujuan asal rang undang-undang ini dibentangkan.

Sebenarnya rang undang-undang ini tidak melibatkan urusan kenaikan gaji atau elaun anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen. Ianya hanyalah pelarasan gaji dengan izin, salary adjustment dan bukannya semakan gaji, dengan izin, salary revision dan tidak melibatkan kenaikan saraan elaun-elaun lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyatakan bahawa kemenangan luar dugaan DAP di tiga kawasan semasa pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak baru-baru ini adalah kehendak rakyat Sarawak yang mahukan demokrasi melalui kewujudan wakil pembangkang. Beliau juga begitu angkuh dan begitu yakin kemampuan parti mereka dan mencabar untuk sama-sama melihat sama ada DAP akan dengan izin, diminishing atau increasing pada pilihan raya negeri penggal yang akan datang.

Sebenarnya sejak Sarawak merdeka dalam Malaysia dan setiap kali pilihan raya Dewan Undangan Negeri diadakan di Sarawak, parti DAP tidak pernah memenangi satu kerusi pun, mereka hanya menerima 'telur' tiap-tiap kali pilihan raya di negeri Sarawak. Cuma pada tahun ini sahaja DAP dapat memenangi beberapa kerusi di Sarawak.

Saya ingin menjelaskan pada Dewan yang mulia ini, bahawa kemenangan DAP di tiga kawasan di Sarawak adalah kerana permainan politik 'jual maruah' yang diamalkan untuk menagih simpati dan belas kasihan pengundi. Mereka juga sanggup meminta sedekah pergi rumah ke rumah meminta undi, kononnya inilah peluang terakhir mereka. Kalau mereka tidak diberi satu kerusi maka mereka terpaksa gulung tikar atau berkubur dari menempatkan diri dalam politik Bumi Kenyalang. Adakah ini amalan demokrasi

yang sihat untuk tujuan memenangi kerusi pilihan raya? Pada saya ianya merupakan perbuatan terhina dan mencerminkan betapa rendahnya maruah calon parti DAP untuk mendapat undi.

DAP janganlah mendabik dada dan berpuashati dengan kemenangan mereka. Bagi saya, kemenangan mereka tidak membanggakan dengan memperolehi majoriti kecil. Bagi N.39 Bukit Asik—majoriti 236 undi, N.42 Pelawan—majoriti 924 undi, dan N.53 Kedurong—majoriti 22 undi sahaja. Majoriti undi yang diperolehi oleh calon-calon Barisan Nasional seperti kawasan N.11 Batu Kawah yang dimenangi oleh Yang Berhormat Alfred Yap Chin Loy BN-S.U.P.P. dengan majoriti 8,825. N.57 kawasan Senandin yang dimenangi oleh Yang Berhormat Lee Kim Shin BN-S.U.P.P.—majoriti 7,757. N.23 Semanggang yang dimenangi oleh Yang Berhormat Francis Harding Hollis—majoriti 6,938. N.19 Simunjan yang dimenangi oleh Yang Berhormat Mohd. Narudin Majais BN-PBB dengan majoriti 6,529. N.6 Satok yang dimenangi oleh Yang Berhormat Dato' Abang Johari bin Tun Abang Openg BN-PBB dengan majoriti 5,820 dan N.5 Tupong yang dimenangi oleh Yang Berhormat Daud bin Abdul Rahman BN-PBB yang majoritinya 5,603.

Saya ingin memberi jaminan bahawa komponen Kerajaan Barisan Nasional negeri akan bersedia untuk menghilangkan pengaruh DAP di Bumi Kenyalang pada pilihan raya negeri penggal yang akan datang untuk menghapuskan politik jual maruah yang tidak bermoral ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka juga semasa menyertai perbincangan dalam Dewan ini mempersoalkan ketidakhadiran Yang Berhormat kawasan Labis merangkap Menteri Pengangkutan yang jarang berada di Dewan yang mulia ini, kononnya takut menghadapi cabaran pihak pembangkang dari DAP. Sebagai anggota Jemaah

Menteri, maka tugas dan tanggungjawab seorang menteri bukan sahaja accountable pada Dewan ini, maka beliau juga accountable, dengan izin, kepada tugas rasmi di peringkat kementerian dan negara. Bukan seperti tugas dan tanggungjawab pihak pembangkang yang datang ke Dewan ini untuk memenuhi ruang kerusi yang semakin mengecil dan bertugas semata-mata untuk membangkang atau mendapat publisiti murahan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, 'what right DAP have to say about other people?' Mereka sendiri dari kalangan Yang Berhormat pihak pembangkang kadang-kadang kosong kerusi mereka juga seperti sekarang. Kalau datang pun kebanyakannya selepas pukul 5.00 petang buat syarat sahaja, seperti kata Yang Berhormat dari Tanjung Karang sebentar tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan baru sahaja selesai melakukan lawatan kerja ke Republik Rakyat China, dan ketika ini beliau berada di Myanmar untuk membincangkan perkara-perkara berhubung dengan hak pendaratan udara dan pelaksanaan projek kereta api Trans-Asia yang dipelopori oleh Malaysia. Semasa di China, beliau berjaya mendapatkan tambahan hak pendaratan di Shanghai dan Guangjo. Selain daripada itu, menerusi usaha gigih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Malaysia telah berjaya memperolehi hak pendaratan udara di negara-negara Amerika Selatan, Amerika Utara, Afrika dan Asia sejak tahun-tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan senang hendak membuat temu janji atau dengan izin, appointment dengan pemimpin-pemimpin negara asing berkenaan urusan dan kepentingan Malaysia, seperti hak pendaratan atau 'landing rights', dengan izin. Kita terpaksa mengikut apa jua masa yang diberi oleh mereka walaupun Dewan Rakyat sedang bersidang. Saya ingin

menegaskan di Dewan yang mulia ini, prestasi seorang menteri tidak harus diukur atau dinilai hanya berdasarkan aspek sama ada beliau kerap menghadiri sesi Dewan Parlimen sahaja. Penilaian sedemikian tidak boleh diterima, kerana ia dianggap kurang adil kepada menteri berkenaan. Setahu saya, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan merupakan seorang menteri yang sentiasa peka dan berusaha untuk meningkatkan taraf infrastruktur negara, terutamanya di bidang kemudahan lapangan terbang, pelabuhan dan kereta api. Ianya semata-mata bertujuan supaya ekonomi negara dapat dibangunkan secara lebih pesat dan untuk menarik lebih ramai pelabur asing dan tempatan untuk melabur di negara kita, di samping mengurangkan imbalan pembayaran perdagangan, 'to reduce the imbalance of trade' menerusi sektor perkhidmatan.

Di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan prestasi dan kecekapan Kementerian Pengangkutan telah diperakui oleh banyak pihak. Misalnya, Pelabuhan Kelang kini dianggap sebagai sebuah pelabuhan yang bertaraf dunia dan mampu bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan utama di rantau Asia.

Selain daripada itu, selaku Presiden Parti MCA, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen dari Labis telah banyak memberi sumbangan dalam bidang pendidikan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, MCA telah berjaya melancarkan dan menggerakkan projek Langkawi yang bertujuan untuk meningkatkan taraf pendidikan murid-murid di kawasan-kawasan luar bandar. Di samping itu, MCA juga sedang dalam usaha mendirikan beberapa buah kampus cawangan Kolej Tunku Abdul Rahman untuk menyediakan lebih banyak peluang pendidikan tinggi kepada generasi muda bagi semua kaum di negara ini. Ini menunjukkan komitmen dan iltizam Yang Berhormat Menteri Pengangkutan terhadap pemimpin pendidikan negara.

Dalam hal ini, apakah sumbangan DAP kepada pembangunan negara? Kalau setakat hendak ambil rekod kedatangan sahaja, saya percaya ianya merupakan satu pembaziran dan kerja-kerja yang tidak mendatangkan faedah.

Mungkin semasa Yang Berhormat dari Kota Melaka bertindak sebagai ketua atau ketua pengawas yang menyemak jadual kehadiran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan semasa sesi Dewan sedang berlangsung, beliau sedang melakukan tugas-tugas rasmi lain yang lebih penting dan diberi keutamaan. Saya tidak percaya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan cuba mengelak atau ingin menjauhkan diri untuk berhadapan dengan pihak DAP atau Ahli Yang Berhormat yang lain. Secara kebetulan beliau menunaikan tanggungjawabnya pada waktu yang sama. Justeru itu, sebagai memikul amanah, tidak salah beliau mewakilkan Timbalannya atau Setiausaha Parlimennya untuk menjawab segala soalan-soalan yang dikemukakan ke Dewan yang mulia ini. Perkara ini terkandung dalam Perlembagaan mengenai penurunan kuasa atau dengan izin, 'delegation of power', seorang menteri kepada timbalan menteri atau setiausaha parlimen yang bertanggungjawab terhadap kementerian-nya di Parlimen. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik timbalan-timbalan menteri dan setiausaha-setiausaha parlimen yang berkaliber dan berdedikasi.

Sungguhpun demikian, saya percaya Menteri Pengangkutan tetap mengambil berat terhadap semua pertanyaan atau perbincangan yang melibatkan kementerian-nya. Beliau juga akan memastikan jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri-nya atau Setiausaha Parlimennya di Parlimen adalah tepat dan disertakan butir-butir maklumat yang lengkap. Saya percaya Yang Berhormat dari Kota Melaka sengaja mencari alasan semata-mata untuk mencari peluang bagi mencari kesilapan atau membuat pertuduhan-pertuduhan yang bersifat

peribadi dan untuk tujuan, dengan izin, 'to score political points.'

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan penjelasan ini, Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak akan membangkitkan lagi perkara yang sama di Dewan yang mulia ini semata-mata untuk mencari publisiti murahan. Ini kerana tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh seorang ahli parlimen yang berjawatan menteri jauh lebih berat daripada tugas ahli parlimen dari pihak pembangkang yang hanya pandai mengkritik kerajaan tetapi enggan membuat sesuatu yang membina demi kepentingan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini di atas sokongan usul yang telah dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal I hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996)(No. 2) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

4.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM1,571,984,155 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang yang disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1996 adalah berjumlah RM1,657,984,155. Daripada jumlah ini sebanyak RM1,571,984,155 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini, manakala bakinya sebanyak RM86,000,000 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- Tambahan sebanyak RM300,000,000 di bawah Maksud B.29—Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebagai sumbangan kerajaan kepada Tabung Makanan yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia.

- Tambahan sebanyak RM299.4 juta di bawah Maksud B.26—Kementerian Pendidikan untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
- Tambahan sebanyak RM264.2 juta di bawah Maksud B.34—Kementerian Kesihatan di mana sebanyak RM261.8 juta untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam dan sebanyak RM2.4 juta untuk pembelian peralatan Makmal Kawalan Mutu Makanan bagi mengesan sisa toksid pada makanan segar dan mudah rosak.
- Tambahan sebanyak RM243.6 juta di bawah Maksud B.36—Polis DiRaja Malaysia untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam dan anggota polis.
- Tambahan sebanyak RM77 juta di bawah Maksud B.19—Kementerian Pertanian untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
- Tambahan sebanyak RM61.3 juta di bawah Maksud B.51—Kementerian Luar Negeri untuk membiayai sumbangan kerajaan kepada badan/pertubuhan antarabangsa dan negara tertentu.
- Tambahan sebanyak RM57.4 juta di bawah Maksud B.48—Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana sebanyak RM11.1 juta untuk menjelaskan pinjaman Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) kepada Kerajaan Persekutuan dan sebanyak RM46.3 juta untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Tambahan sebanyak RM36.9 juta di bawah Maksud B.23—Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk membiayai perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM15.9 juta untuk pelarasan gaji dan elaun kakitangan;
 - (ii) sebanyak RM16 juta untuk bayaran kenaikan kadar cukai dana Kerajaan Persekutuan di Perak, Melaka dan Negeri Sembilan; dan
 - (iii) sebanyak RM5 juta untuk kerja-kerja ukur sempadan antarabangsa Malaysia/Indonesia bagi negeri Sabah dan Sarawak.
- Tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri untuk pemberian geran pelancaran bagi penubuhan Multimedia Development Corporation (MDC).
- Tambahan sebanyak RM29.8 juta di bawah Maksud B.40—Jabatan Penjara untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
- Tambahan sebanyak RM28.4 juta di bawah Maksud B.31—Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
- Tambahan sebanyak RM24.4 juta di bawah Maksud B.16—Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
- Tambahan sebanyak RM20 juta di bawah Maksud B.30—Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk menampung keperluan Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai-pegawai) Awam.

- Tambahan sebanyak RM15.9 juta di bawah Maksud B.47—Kementerian Pengangkutan untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - Tambahan sebanyak RM14.5 juta di bawah Maksud B.28—Perbendaharaan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM10.1 juta untuk pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - (ii) sebanyak RM4.4 juta untuk perkhidmatan juru perunding berhubung pembelian pesawat F/A-18D.
 - Tambahan sebanyak RM9.4 juta di bawah Maksud B.37—Jabatan Imigresen untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - Tambahan sebanyak RM8.7 juta di bawah Maksud B.32—Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - Tambahan sebanyak RM8.3 juta di bawah Maksud B.46—Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - Tambahan sebanyak RM7.3 juta di bawah Maksud B.9—Jabatan Perangkaan untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - Tambahan sebanyak RM7.1 juta di bawah Maksud B.39—Jabatan Pendaftaran Negara untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - Tambahan sebanyak RM5.5 juta di bawah Maksud B.42—Kementeri-
- an Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - Tambahan sebanyak RM4.9 juta di bawah Maksud B.18—Kementerian Perusahaan Utama untuk bayaran terakhir Sistem Komputer iaitu Sistem Maklumat Hutan Negara Jabatan Perhutanan Semenanjung dan Peningkatan serta Pelaksanaan 'Geography Information System Remote Sensing and Intergrated Information System' Jabatan Perhutanan Sarawak.
 - Tambahan sebanyak RM3.4 juta di bawah Maksud B.11—Badan Pencegah Rasuah untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.
 - Tambahan sebanyak RM3.4 juta di bawah Maksud B.35—Kementerian Dalam Negeri untuk perbelanjaan mengurus Pasukan Petugas Pekerja Asing yang telah ditubuhkan bagi memproses permohonan pengambilan pekerja asing.
 - Tambahan yang lain sebanyak RM5,175,355 adalah dikehendaki untuk membiayai pelbagai perkhidmat di bawah maksud-maksud B.1—Parlimen; B.6—Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan; B.10—Jabatan Peguam Negara; B.15—Jabatan Perancang Bandar dan Desa; B.23—Jabatan Arkib Negara dan B.24—Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1996 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22/96 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22A tahun 1996.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1996 adalah berjumlah RM1,204,361,804. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM926,151,804 adalah perbelanjaan cara langsung dan sebanyak RM278,210 adalah perbelanjaan pinjaman.

- Tambahan-tambahan bagi membiayai projek-projek pembangunan mengikut kementerian dan jabatan adalah seperti berikut:
- Tambahan sebanyak RM572.9 juta di bawah Maksud P.52—Kementerian Kerja Raya bagi membiayai perbelanjaan berikut:
 - (i) Sebanyak RM428.9 juta untuk membiayai pelaksanaan bagi projek sambungan Rancangan Malaysia Keenam ke Rancangan Malaysia Ketujuh di bawah Projek Jalan-jalan Raya dan Jambatan Semenanjung.
 - (ii) Sebanyak RM50 juta untuk membiayai pelaksanaan Projek Pembinaan Jalan bagi Negeri Sarawak di bawah Projek Jalan Raya Besar, lain-lain jalan raya dan jalan ke Projek Letrik Hidro.
 - (iii) Sebanyak RM64 juta untuk membiayai pelaksanaan Projek Pembinaan Jalan Bagi Negeri Sabah di bawah Projek Jalan Besar Barat dan Timur Barat Negeri Sabah; dan
 - (iv) Sebanyak RM30 juta untuk membiayai Projek Perumahan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantina Laluan Kedua Malaysia/Singapura.
- Tambahan sebanyak RM219.4 juta di bawah Maksud P.47—Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan berikut:
 - (i) Sebanyak RM119.4 juta bagi membiayai pampasan pengambilan tanah bagi Projek Pembangunan Pelabuhan Tanjong Pelepas, Johor.
 - (ii) Sebanyak RM50 juta bagi membiayai sebahagian daripada kemajuan projek pemanjangan Landasan Lapangan Terbang Langkawi; dan
 - (iii) Sebanyak RM50 juta bagi menampung bayaran pampasan tambahan kepada tuan tanah, tapak Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur secara penyelesaian di luar mahkamah.
- Tambahan sebanyak RM155 juta di bawah P.28—Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:
 - (i) Sebanyak RM55 juta sebagai pinjaman bagi modal kerja dalam Composit Technology Research Malaysia (CTRM); dan
 - (ii) Sebanyak RM100 juta sebagai pinjaman kepada Global Maritime Venture Berhad bagi menampung keperluan perolehan kapal.
- Tambahan sebanyak RM123.2 juta sebagai pinjaman di bawah Maksud P.48—Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Skim Pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi melaksanakan kegiatan pembasmian kemiskinan di seluruh negara.

- Tambahan sebanyak RM51.8 juta di bawah Maksud P.46—Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membiayai pemberian modal berikutan pengkorporatan Taman Teknologi Malaysia yang diberi nama baru Teknologi Park Malaysia Sendirian Berhad.
- Tambahan sebanyak RM20 juta di bawah Maksud P.16—Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai bayaran kemajuan projek, pembinaan balai dan kuarters Bomba bagi Semenanjung, pembelian peralatan-peralatan balai yang baru siap dan jentera hamzard ataupun hazardous material serta kos bagi menggantikan jentera yang telah usang.
- Tambahan sebanyak RM19.4 juta di bawah Maksud P.50—Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membiayai pembinaan Kompleks Budaya Kraf di Kuala Lumpur dan Langkawi, program-program bagi mewujudkan usahawan kraftangan dan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pembangunan kraf dan dayacipta.
- Tambahan sebanyak RM11.6 juta di bawah Maksud P.18—Kementerian Perusahaan Utama bagi membiayai pelaksanaan projek-projek berikut:
 - (i) Sebanyak RM5.3 juta untuk pelbagai projek perhutanan;
 - (ii) Sebanyak RM4.2 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek Pusat Perbadanan Getah dan Program Pembangunan Tanaman Klon Baru.
 - (iii) Sebanyak RM1.2 juta bagi projek Lembaga Tembakau Negara;
 - (iv) Sebanyak RM0.4 juta untuk menyiapkan makmal Institut Penyelidikan Galian; dan
 - (v) Sebanyak RM0.5 juta untuk melaksanakan pembinaan infrastruktur perkampungan perabot.
- Tambahan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud P.44—Kementerian Penerangan untuk membiayai projek International Broadcasting Centre bagi menempatkan host broadcaster serta stesen-stesen penyiar luar lain yang dikenali sebagai Client Broadcaster bagi tujuan kemudahan Liputan Sukan Komanwel (SUKOM) 1998.
- Tambahan sebanyak RM8.4 juta di bawah Maksud P.51—Kementerian Luar Negeri untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan, pembaikan dan pengubahsuaian bangunan-bangunan perwakilan Malaysia di Paris, New York, Brazilia, Manila dan Wellington serta Kompleks Wisma Putra di Kuala Lumpur.
- Tambahan sebanyak RM4.5 juta di bawah Maksud P.49—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menyiapkan projek 33KV dan 11KV dan pencawang Patau Sungai Pradaun bagi mempertingkatkan penghantaran di Wilayah Persekutuan Labuan.
- Tambahan sebanyak RM4 juta di bawah Maksud P.40—Jabatan Penjara untuk membiayai kerja-kerja kecil, penyelenggaraan bangunan dan rumah serta pembelian peralatan bagi meningkatkan langkah-langkah keselamatan penjara-penjara.
- Tambahan sebanyak RM3.9 juta di bawah Maksud P.24—Jabatan Muzium dan Antikuiti untuk membiayai bayaran kemajuan projek untuk pembinaan Balai DiRaja dan bangunan tambahan Muzium.

Butir-butir penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1996 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23/96 dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22A tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1996 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 3) 1996

4.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) bagi Maksud-

maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.”

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi-tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang.

Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.52 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini dengan harapan bahawa dasar jimat-cermat dan dasar pembangunan seimbang dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Rancangan Malaysia Ketujuh, cabaran utama dalam pembangunan adalah untuk menyediakan pekerja mahir yang mencukupi, menggalakkan pendalaman modal dan mewujudkan budaya berasaskan teknologi yang lebih aktif bagi menjayakan peralihan struktur ke arah ekonomi yang didorong oleh produktiviti serta operasi berskala besar.

Setakat ini, kerajaan telah memperuntukkan RM67.5 bilion untuk pembangunan dalam tempoh lima tahun ini supaya mencapai matlamat-matlamat tersebut. Saya tidak menafikan keperluan untuk membangun negara secara teratur. Tetapi pembangunan mewujudkan kebaikan dan keburukan. Sambil memperingatkan kerajaan betapa pentingnya usaha untuk menghapuskan pembaziran, pemborosan dan penyelewengan, kita boleh lihat di banyak tempat, terutamanya projek-projek raksasa, nampak ada gejala-gejala pemborosan dan pembaziran, termasuk Lapangan Terbang Kuala Lumpur di Sepang, Putrajaya dan sebagainya.

Saya hendak menyeru supaya segala perhatian juga diberikan kepada keburukan atau masalah sosio-ekonomi. Bertambahnya bilangan kes bohsia, penjenayahan, termasuk juvana, pembuangan bayi, penagihan dadah, pencemaran alam sekitar yang kian menjadi-jadi, masalah pendatang asing tanpa izin dan dengan izin, bertambahnya jurang di antara berada dan tidak berada dan sebagainya. Apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, pujangga negara Keris Mas dalam buku "*Saudara Besar Dari Kuala Lumpur*" mengatakan:

"Pembangunan yang berjalan sekarang di dunia membangun di negara kita khususnya adalah pengadunan dan pembakaran kuih resepi Barat untuk makanan Barat.

Jika ini berjalan terus, kita akan menjadi dapur yang membakar diri sendiri untuk dunia di luar dunia kita. Memang tidak ada apa-apa yang salah dalam resepi ini, tetapi ia bukan untuk selera kita."

".....Individualisme Barat melahirkan hukum-hukum masyarakat dan kemanusiaan yang sebahagiannya amat buruk. Individualisme Barat hanya kasih-sayang sesama manusia selagi kepentingan dan tujuannya terjamin. Ia hanya lebih baik sedikit sahaja dari komunisme. Kebaikannya hanyalah lahir pada sistem, tetapi tidak pada tujuan. Kedua-duanya sama, menuju kepada sebuah peradaban kebendaan semata-mata."

Tuan Yang di-Pertua, saya memetikkan pandangan Keris Mas ini sebagai salah satu asas untuk diperbincangkan bukan kerana kita perlu setuju dengan beliau 100%. Memang kita perlu menyerapkan kebaikan yang wujud di dunia Barat. Ada banyak kebaikannya juga. Kita juga perlu mengkaji sama ada sistem pembangunan di Malaysia sekarang adalah resipi Barat semata-mata dan adakah pembangunan yang berjalan sekarang di negara kita adalah pengadunan dan pembakaran kuih resepi Barat untuk makanan Barat? Adakah kita menuju kepada sebuah peradaban kebendaan semata-mata?

Menurut Ross Garnaut dan Guonan Ma, pada tahun 2000 Amerika Utara akan menguasai 27.7% daripada ekonomi dunia. Eropah Barat 28.2% dan Asia Timur, termasuk Malaysia, 29.2% dan yang lain di dunia hanya 16%. Walaupun ada berubah-ubah, ada yang tidak dapat diduga dan ada yang sukar difahami dan peratusan pengeluaran ekonomi Asia Timur mungkin bukan 29.2%, tetapi pengubahan atau

transformasi Asia Timur akan mendatangkan implikasi dan konsekuensi yang besar kepada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan di semua bidang, termasuk pengangkutan, penerbangan, pembinaan, terutamanya infrastruktur, industri motokar, pertumbuhan di Asia Timur adalah sangat pesat, lebih pesat bila berbanding dengan Amerika Utara dan Eropah Barat. Syarikat-syarikat besar, khasnya transnasional Barat akan menumpukan perhatian di Asia Timur kerana mereka mesti mengambil peluang dan kesempatan. Segala bentuk kebendaan, termasuk pesawat penerbangan, motokar, alat-alat canggih, senjata moden dan sebagainya akan dicurahkan masuk ke Asia Timur pada abad yang ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Lester Throw, seorang profesor Amerika Syarikat yang pakar dalam isu-isu ekonomi berkata dalam bukunya "*The Future of Capitalism*" dengan izin:

"Technology and ideology are shaking the foundations of twenty-first-century capitalism. Technology is making skills and knowledge the only sources of sustainable strategic advantage. Abetted by the electronic media, ideology is moving towards a radical form of short-run individual consumption maximization at precisely a time when economic success will depend upon the willingness and ability to make long-run social investments in skills, education, knowledge and infrastructure.

When technology and ideology start moving apart, the only question is when will the 'big one' (the earthquake that rocks the system) occur. Paradoxically, at precisely the time when capitalism finds itself with no social competitors—its former competitors, socialism or

communism have died—it will have to undergo a profound metamorphosis."

Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan pembangunan untuk melangkah ke era baru. Kita berkehendakkan teknologi, kemahiran, pengetahuan dan prasarana untuk masa depan. Akan tetapi, kita mestilah sentiasa berhati-hati tentang akibat atau konsekuensinya, gempa bumi sosio-ekonomi yang akan menggoncangkan sistem di negara kita.

Saya akan sentiasa membangkitkan gempa bumi sosio-ekonomi di Malaysia. Besar kemungkinan berlakunya bencana ini jika tidak berhati-hati, sentiasa berwaspada jika kita tidak menyediakan payung sebelum hujan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat langkah-langkah permulaan ke arah yang betul. Misalnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa politik wang, sama ada dalam UMNO ataupun lain-lain parti, termasuk parti-parti Pembangkang adalah satu wabak berbahaya yang perlu dibanteras sebelum ianya berkembang dan membinasakan seluruh sistem pentadbiran di negara ini.

"Kita telah memperluaskan tindakan dan dasar untuk mencegah rasuah dalam apa jua bentuk, tetapi kita berpendapat bahawa kalau ada rasuah dalam parti politik, maka kesannya lebih buruk daripada rasuah yang berlaku, mungkin di kalangan pegawai kerajaan." ujarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kami berharap Yang Amat Berhormat dapat terus bertekad untuk melaksanakan dasar dan langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah politik wang dan juga segala bentuk rasuah di negara ini.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa masyarakat madani ialah sistem sosial yang diasaskan kepada prinsip moral dengan menjamin keseimbangan antara kebebasan perseorangan dengan kestabilan masyarakat. Pembentukan masyarakat madani hanya dapat dijayakan sekiranya prinsip moral, keadilan, kesaksamaan dan musyawarah menjadi amalan serta prinsip rakyat negara kini.

Saya bersetuju kalau semua ini dapat dilaksanakan dengan berkesan di dalam negara ini. Kita haruslah sentiasa menumpukan perhatian kepada pembasmian politik wang dan lain-lain bentuk rasuah serta kewujudan masyarakat madani. Sementara itu, saya mencadangkan supaya kita mengkaji semula sama ada sistem pembangunan sekarang adalah pengadunan dan pembakaran kuih resipi barat atau timur atau utara atau selatan. Kita hendak wujudkan satu sistem pembangunan yang sesuai untuk negara kini.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan bangunan tertinggi di dunia pada ketika ini sahaja seperti Menara Berkembar di Kuala Lumpur dan keempat tingginya Menara Pos menunjukkan kebolehan atau kemampuan kita dalam bidang pembinaan, akan tetapi seandainya kita dapat membina sistem kebajikan yang terbaik di dunia untuk rakyat Malaysia, bukan kepalang baiknya untuk rakyat Malaysia. Bukan kepalang baiknya untuk moral dan reputasi Malaysia. Saya sebutkan sistem kebajikan yang baik, bukan sistem yang mirip kepada Barat semata-mata kerana sistem kebajikan Barat mewujudkan keburukan. Kita boleh dan perlu memperoleh teknologi dan kemahiran. Adakah kemampuan kita harus digunakan untuk melaksanakan projek-projek seperti projek Kuala Lumpur Linear City (KLLC). Saya tidak tahu sama ada akibatnya parah ataupun tidak setelah kita mencerobohi alam sekitar Sungai Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun laporan Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) telah dibentang dan diluluskan untuk KLLC, kami mencadangkan supaya EIA ini diumumkan bukan sahaja disimpan di dalam pejabat Jabatan Alam Sekitar sahaja. Yang tidak ketaranya ialah implikasi dan konsekuensi projek KLLC untuk jangka pendek dan panjang.

Pertama, bagaimana banjir diuruskan kalau kita tutup 12 kilometer muka sungai itu dan dibangunkan dengan bangunan? Adakah kemungkinan banjir besar boleh berlaku? Dan bila berlaku banjir yang besar seperti yang pernah berlaku pada tahun 70-an, apakah cara-cara untuk menguruskan sepanjang 12 kilometer sungai itu yang telah ditutup? Adakah penutupan sungai itu diadakan 100% ditutup semua sungai?

Yang kedua, apakah rancangan untuk mengawasi kesesakan lalu lintas? Lalu lintas semakin hari semakin sesak terutamanya di Kuala Lumpur, bukan sahaja di Kuala Lumpur bahkan di banyak tempat, termasuk di Kajang dan kesesakan lalu lintas ini belum diselesaikan. Setelah dibangunkan KLLC, besar kemungkinan lalu lintas akan bertambah buruk dan bila bertambah buruk, apakah penyelesaiannya?

Yang ketiga, apakah akan terjadi dengan kualiti air Sungai Kelang.....

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun minta jalan.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada sentuh kata kesesakan lalu lintas di Kajang. Yang Berhormat ini berdasarkan kepada pada masa Yang Berhormat jadi ADUN dahulukah atau keadaan sekarang? Sekarang ini sudah enam lorong jalan ini, Yang Berhormat, sudah tak ada 'jam' lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja semasa saya menjadi ADUN di Kajang bahkan sekarang saya pergi ke Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Kajang untuk memberi hujah di situ dan tiap-tiap kali saya lewat oleh kerana kesesakan lalu lintas di Kajang, terutamanya di sekeliling Kampung Baru Sungai Chua dan juga di pusat bandar Kajang.

Tuan Yang di-Pertua, di Kajang memang timbul banyak masalah termasuk bangunan yang memang besar yang diletakkan dan diluluskan di tepi jalan raya dan jambatan. Saya pun tak tahu macam mana kriteria pihak kerajaan tempatan menggunakan untuk meluluskan bangunan-bangunan di tepi jalan raya dan di tepi jambatan.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah mungkin Yang Berhormat tidak begitu faham mengenai keadaan di Kajang, sebab daripada percakapan tadi kita nampak kurang sedikit.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Bangunan itu ada sekarang, Yang Berhormat, tetapi perancangan dibuat pada masa Yang Berhormat jadi ADUN dahulu. Jadi, macam mana Yang Berhormat? Apa Yang Berhormat buat pada masa dahulu sehingga sekarang memang orang jadi mangsa.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat ini kerana dia baru sahaja, saya pun maafkan dia. (*Ketawa*)

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Yang Berhormat baru.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sekejap lagi, saya terangkan dahulu. Dalam sistem demokrasi berparlimen, misalnya di dalam Dewan ini, di sebelah situ ada menteri, di sebelah sini ada pihak pembangkang. Bila di dalam pembangkang, kita memang mengkritik, menganalisis dan mengupas apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Saya pernah membangkitkan masalah kelemahan itu di dalam Dewan Undangan Negeri dan juga di dalam Dewan Rakyat, tetapi nampaknya pihak kerajaan tidak begitu mengambil perhatian mengenai masalah di Kajang. Itulah masalah. Dan sekarang Yang Berhormat ada di dalam kerajaan, seorang backbencher, apakah Yang Berhormat buat untuk masalah ini? Bukan sahaja bangunan yang diluluskan semasa saya menjadi ADUN, sekarang ada bangunan lagi yang diluluskan, bukan sahaja di situ tetapi di sekeliling kita boleh nampak bukit-bukit dekat itu menjadi botak. Apakah Yang Berhormat buat untuk mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya jangan kita potong semua pokok-pokok di lereng bukit kerana takut akan berlaku bencana. Apakah Yang Berhormat buat sebagai penyokong kerajaan? Sokong sahaja ataupun buat kritikan yang membina? Ha, nampak? Itulah masalah sekarang. Saya beri cadangan yang baik untuknya supaya dia memainkan peranan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, apakah akan terjadi dengan kualiti air Sungai Kelang? Bolehkah langkah-langkah yang berkesan dapat diambil untuk membersihkan Sungai Kelang, supaya sungai yang telah mati ini dapat dihidupkan? Kita hendak hidupkan Sungai Kelang dan sungai yang mati, yang lain kerana bilangan sungai yang mati bertambah, semakin hari semakin buruk.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, apakah cara-cara yang akan digunakan untuk memasuki bahagian sungai di bawah bangunan di dalam KLLC?

Yang kelima, adakah keselamatan bangunan di atas sungai itu dapat dijamin? Adakah had ketinggian untuk bangunan?

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam, sekiranya berlaku akibat yang dahsyat di KLLC pada masa hadapan, mungkin satu-dua generasi akan datang, adakah kemungkinan untuk merobohkan semula bangunan-bangunan di atas sungai tersebut dan mengembalikan sungai ke keadaan semula jadi? Itulah semua soalan yang perlu dijawab, bukan setakat laporan EIA dan kemudian simpan laporan EIA itu di dalam Jabatan Alam Sekitar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya kerajaan mengambil langkah yang lebih teliti termasuk mengkaji benar-benar projek-projek yang serupa ini di lain-lain negara sebelum keputusan diambil untuk melaksanakan KLLC, kerana saya sendiri tidak tahu apakah akan terjadi dan mungkin Padang Terap pun tidak tahu? Jadi, kita hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat ucapan di Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Cadangan-cadangan Yang Amat Berhormat untuk reformasi PBB, hak veto dan amalan demokrasi di dalam pertubuhan dunia itu adalah baik. Kita mesti sokong beliau di dalam usaha untuk mengubahsuaikan, reformkan Bangsa-bangsa Bersatu. Kami berharap semua cadangan demokrasi ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya di Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil Tetap Malaysia Tan Sri Razali Ismail telah dilantik untuk menjadi pengerusi Perhimpunan PBB untuk selama satu

tahun. Ini merupakan satu kebanggaan untuk negara, kerana ia adalah kali yang pertama untuk orang Asia di dalam dua dekad. Sekarang misi Malaysia hanya mempunyai 6 atau 7 pegawai yang bermutu tinggi untuk membantu Tan Sri Razali Ismail, walhal negara seperti Filipina dan Indonesia mempunyai lebih ramai pegawai. Misalnya Indonesia mempunyai lebih 36 pegawai dan nampaknya Padang Terap boleh membantu kita untuk memperbaiki keadaan yang tidak baik.

Kita mestilah memberi sokongan kepada Wakil Tetap Malaysia di PBB supaya beliau dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan. Oleh itu, saya mencadangkan dengan bantuan daripada Kementerian Kewangan supaya 12 pegawai yang menguasai berbilang bahasa dan yang berkaliber tinggi dihantar dengan serta-merta kepada misi kita di PBB. Inilah cara yang positif untuk menentukan Pengerusi Perhimpunan PBB sekarang dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan demi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mempunyai banyak perkara lagi, tetapi nampaknya rakan saya dan di sebelah situ pun ada ramai termasuk Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang hendak berucap, jadi saya akan pendekkan —saya akan pendekkan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai sisa-sisa satelit di angkasa lepas mengelilingi bumi. Saya bangkitkan hal ini kerana di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau pernah mengata kita mesti memasuki bidang angkasa lepas. Ini adalah satu industri baru yang perlu kita menerokai. Tetapi masalah sekarang Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya akan memetik satu pandangan seorang pakar sains Arthur C. Clark. Dengan izin;

"Clark author of "The Acclaim 2001" Space Audacious said, the launch of hundreds of satellites during the next 5 years could increase their amount of orbiting

debris so much that future space exploration would become impossible."

Pada tahun 2020 mungkin kita ada dalam satu tahap boleh menerokai angkasa lepas—mungkin—besar kemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua;

"An investigation by the American National Research Council found more than 10,000 objects bigger than a cricket ball circling the earth and 10,000 million of smaller particles in orbit as a result of 4,500 space craft being launch since the first sputnik in 1957. Because of the enormous speed of orbiting objects something the size of a cricket ball can shatter a satellite if it hits a vulnerable spot. Even flakes of paint can pick the windows of the space shuttle."

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu perkara yang serius, kerana kita ada satu satelit - Measat I dan tidak lama lagi satu satelit lagi—Measat II di dalam angkasa lepas yang mengelilingi bumi ini. Kalaulah beribu-ribu objek ini salah satunya melanggar satelit kita, habislah semua pelaburan kita. (Ketawa)

Seorang Ahli: Dia kena kepung!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini adalah satu perkara yang serius, kita sudah melabur berbilion-bilion ringgit di angkasa lepas, ada satu satelit dan tidak lama lagi dua satelit dan beribu-ribu sisa satelit mengelilingi bumi, satu sebesar ini cukup untuk (sambil menunjukkan suatu jarinya) menghancurkan satelit kita. Itu adalah satu perkara yang penting dan saya berharap kerajaan dapat mengambil perhatian dan juga membuat satu dasar mengenai angkasa lepas ini. Mungkin kita membawa perkara ini kepada bidang-bidang yang tertentu termasuk Bangsa-bangsa Bersatu. Inilah satu sumbangan

yang perlu dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia. Ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua—banyak lagi (sambil menunjukkan beberapa keping keratan akhbar)

Dato' Othman bin Abdul:
(Menunjukkan keratan akhbar) (Ketawa)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dua perkara lagi yang hendak saya bangkitkan. Yang pertama dengan ringkas, di dalam Akta Pendidikan tahun lepas, ada satu peruntukan iaitu untuk menjadikan mutu pendidikan negara ini bertaraf dunia. Ini merupakan satu peruntukan yang perlu disokong oleh rakyat Malaysia.

Walaupun bagaimanapun terdapat pelbagai kelemahan di dalam bidang pendidikan, ini termasuk kekurangan guru. Beribu-ribu guru, dua puluh ribu, tiga puluh ribu di dalam sekolah rendah dan sekolah menengah dan juga lebih satu ribu di universiti, 9 universiti di Malaysia. Walaupun saya setuju, kita mesti ada sekolah-sekolah Bistari dan sebagainya, tetapi kalau tidak ada guru yang cukup, bukan guru sahaja, guru yang bermutu tinggi, yang berkaliber, apakah gunanya sekolah Bistari dan bukan sahaja kekurangan guru, kita tidak mahu kekurangan guru ini bertaraf dunia. Kelemahan bertaraf dunia, ini tidak baik untuk Malaysia. Bukan sahaja kekurangan guru bahkan juga kekurangan yang lain, kekurangan sekolah, kekurangan makmal, kekurangan alat-alat kelengkapan, kekurangan komputer, jangan kita sebutkan Internet. Tidak banyak boleh ada Internet. Mungkin di Padang Terap, kerana di mana menteri itu sayang kepada sesetengah sekolah, dia buat satu sumbangan untuk komputer dan Internet. Itu secara persendirian, tetapi dari segi sistem sekolah saya percaya banyak lagi mungkin 95 peratus tidak dapat komputer dan banyak lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kerana masa yang suntuk, cuma sambil kita menggalakkan, menyokong dan mendokong pencapaian

mutu pendidikan bertaraf dunia kita tidak mahu wujudnya kekurangan guru, kelengkapan dan sekolah serta bilik darjah bertaraf dunia pulak. Sebab itu tidak boleh diterima, dan juga di dalam kekurangan di sekolah kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) banyak masalah yang timbul. Misalnya, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), saya percaya sekolah-sekolah ini masalah yang saya sebutkan lebih dahsyat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) walaupun Yang Berhormat-Yang Berhormat dari MIC tidak sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya cuma hendak tolong mereka ini.

Ada ura-ura dari MIC hendak adakan satu kampus cawangan, Universiti Bristol daripada England. Saya tidaklah hendak membangkang, adakan kampus Universiti Bristol. Universiti Bristol adalah universiti yang baik di England. Saya setuju hendak adakan dua kampus pun boleh, tiga kampus pun boleh, saya setuju tetapi kita mesti mempertimbangkan bilangan pelajar yang layak memasuki cawangan kampus Universiti Bristol. Adakah bilangan pelajar keturunan India, Tamil misalnya yang cukup untuk memasuki universiti ini bukan sahaja universiti ini untuk satu golongan, saya menyentuh satu aspek sahaja, adakah cukup? Sebab di dalam 500 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ini, ada genap 6 tahun kebanyakan pelajar cicir, keciciran, ponteng dan tidak meneruskan pelajaran di dalam sekolah menengah, apatah lagi, masuk ke universiti. Ini merupakan satu masalah di Malaysia kerana kita di dalam negara berbilang bangsa, kita mesti mengkaji masalah semua kaum. Salah satu masalah yang besar kaum India ini ialah pelajar-pelajar tidak cukup untuk memasuki universiti.

Yang Berhormat Padang Terap pun tahu, kadangkala kuota bagi orang India di universiti tempatan pun tidak dapat dipenuhi, tidak dapat diisi.

Seorang Ahli: Jelutong masuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Jelutong tidak payah masuk, dia sekarang berkaliber tinggi di dalam mahkamah. (*Ketawa*) Tidak payah masuk, yang perlu masuk ini mungkin satu, dua peguam dari sebelah sana. Tidak pernah pergi ke mahkamah pun. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya tahu kerana Tuan Yang di-Pertua sangat arif di dalam masalah mahkamah, menjadi Hakim Mahkamah Tinggi, tidak payah kita sebut pun dia tahu. Tuan Yang di-Pertua memang tahu apa yang berlaku di dalam dan beliau pun tahu siapa yang merupakan peguam yang baik, peguam yang tidak baik, kerana beliau peguam juga.

Tuan Yang di-Pertua, apakah masalah yang berlaku dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), saya nampak bukan sahaja kekurangan guru, kekurangan alat-alat kelengkapan, kekurangan bilik-bilik darjah dan sebagainya, bahkan kualiti guru. Kualiti guru di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, ada setengah-setengah gurunya tidak layak untuk mengajar kerana mutu sangat rendah, dan saya mencadangkan Yang Berhormat dari MIC dapat pergi ke Sekolah Rendah Kebangsaan (Tamil) mungkin di seluruh negara untuk menyiasat sendiri apakah standard para guru di sekolah-sekolah seumpamanya. Kalau kita banding para guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dengan di sekolah-sekolah swasta, kita nampak guru di sekolah-sekolah swasta termasuk keturunan India bermutu tinggi. Apakah masalah para guru ini di dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), ada setengahnya bermutu rendah, tidak berkaliber. Ini masalah yang perlu kita mendalami untuk kita menyelesaikan masalah ini. Saya tidak tahu cara yang betul untuk menyelesaikannya. Ada setengah-setengah orang mencadangkan untuk menswastakan SRJK(T). Itu bukan cadangan saya, ini satu cadangan setengah-setengah orang tetapi saya tidak dapat memahami sama ada penswastakan SRJK(T) dapat menyelesaikan masalah, mungkin akan menjadikan masalah lebih rumit.

Walau bagaimanapun, oleh kerana tidak ada masa untuk membincangkan banyak perkara mengenai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), mungkin ada sepuluh halaman di sini, saya akan bincangkan masalah ini di masa hadapan, Tuan Yang di-Pertua, cuma saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dapat mengambil perhatian dan mengadakan langkah-langkah yang berkesan untuk menyelesaikan masalah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai pendatang asing tanpa izin dan dengan izin. Lebih satu dekad yang lampau kami telah berkali-kali menyeru pihak kerajaan supaya mengambil langkah yang berkesan, terutamanya sejak tahun 1982. Tetapi sejak lebih satu dekad ini, masalah pendatang ini sudah menjadi satu bencana. Tahun lepas di dalam Dewan yang mulia ini saya dengar jawapan daripada pihak kerajaan yang mengatakan bahawa bilangan yang didaftarkan ialah kira-kira 1 juta dan yang tidak didaftarkan mungkin 1 juta pendatang. Tetapi semalam saya dengar dalam radio dan televisyen, pihak kerajaan mengatakan sekarang yang daftarnya 1.5 juta, yang belum didaftar ataupun tidak diketahui, yang haram 1.5 juta. Ini bermakna lebih 3 juta pendatang pekerja asing di dalam negara. Kita tahu implikasi dan konsekuensi pendatang-pendatang ini.

Saya tidak menafi kita perlukan mereka untuk mengisi kekosongan pekerjaan di beberapa bidang, termasuk pembinaan, perladangan dan juga pertanian. Tetapi kita mesti mengambil langkah yang lebih positif. Saya setuju, semalam pihak Kabinet—pada minggu lepas dan diumumkan semalam bahawa ada langkah-langkah yang lebih ketat untuk mengawal masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan juga dengan izin. Kita mesti memberi perlindungan kepada mereka. Baru-baru ini saya nampak di Damansara Jaya dan Damansara Utama, di tempat-tempat

kosong ada rumah-rumah kongsi yang baru nampak bersih, nampak selesa untuk pendatang-pendatang asing atau pekerja asing, itu baik. Satu langkah yang baik. Kita mesti membina rumah-rumah kongsi yang baik untuk mereka, itu cara yang baik. Bermula dengan langkah yang baik. Juga hukuman dan denda yang berat untuk orang yang membawa masuk pendatang-pendatang.

Tetapi mengapa kita tunggu lebih 1 dekad baru sahaja kita hendak ambil langkah yang berkesan? Kalau tidak silap saya, kem-kem tahanan pun dibina di seluruh negara lebih 20, tak sampai 5 tahun; 3-4 tahun yang lalu sahaja. Mengapa kita mengambil langkah yang begitu lewat sehingga lebih 3 juta pekerja asing di negara yang pendudukannya hanya 20 juta sahaja. Inilah satu masalah, dan ada banyak masalah timbul kerana pendatang-pendatang asing ini untuk bekerja di dalam negara ini. Saya tidak mahu menyebut semua masalah ini. Cuma saya menyeru pihak kerajaan supaya mengambil langkah yang lebih berkesan lagi, terutamanya berbincang dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Bangladesh supaya kita dapat hanya menerima pekerja-pekerja dengan izin, dengan didaftarkan. Bukan sahaja didaftarkan di dalam negara-negara asal, bahkan didaftarkan di dalam negara ini supaya kita boleh hapuskan semua pendatang tanpa izin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong.

5.35 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan ini. Pertama sekali saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia kepada satu berita muka depan di dalam *Utusan Malaysia* hari ini yang mengatakan bahawa 70.3% pembawa kuman HIV di negara ini adalah orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut satu kajian yang dikendalikan bersama oleh Kementerian Kesihatan dan Universiti Kebangsaan Malaysia, adalah didapati bahawa setakat 31 Ogos, 1996 ini sejumlah 12,125 orang ataupun 70.33% daripada 17,241 pembawa HIV di negara ini adalah dari orang Melayu. Golongan ini majoritinya adalah remaja. Perkara ini, sebagaimana yang dilaporkan, adalah berpunca daripada gaya hidup yang tidak sihat di kalangan remaja Melayu. Persoalannya, mengapakah terjadi perkembangan sebegini?

Sekarang pihak kerajaan, sebagaimana yang tercermin menerusi Belanjawan negara setiap tahun, membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mengatasi gejala tidak sihat di kalangan golongan remaja. Berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk mencegah dan untuk memulihkan penagih dadah. Berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk perang anti dadah, berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk menanamkan kesedaran anti AIDS dan sebagainya. Wang ini merupakan kebocoran daripada tabung negara yang boleh dilaburkan untuk pembangunan-pembangunan yang lebih bermanfaat kepada seluruh masyarakat.

Jadi, saya harap laporan ini akan dapat perhatian yang amat serius oleh pihak berkuasa. Kita harus melihat semula ke dalam diri kita sama ada strategi-strategi dan pendekatan-pendekatan kita mengenai pencegahan AIDS ataupun kesedaran menentang penjangkitan HIV sekarang berkesan atau tidak berkesan. Sekarang ini wujud beberapa pertubuhan sukarela yang memang memberi dedikasi yang penuh dan ikhlas terhadap pencegahan penyakit AIDS dan juga kesedaran menentang perebakan kuman HIV. Dua hari yang lalu pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjadi tetamu kehormat di dalam satu majlis anjuran satu organisasi yang dipimpin oleh anak beliau sendiri, iaitu Marina Mahathir. Adakah gerakan-gerakan ini sudah mencukupi ataupun memerlukan lagi bantuan di samping merangka strategi

yang lebih berkesan. Ini semua harus difikirkan bersama, bukan sahaja oleh pihak kerajaan, tetapi oleh NGOs dan seluruh masyarakat.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adalah perebakan satu gejala baru, iaitu penggunaan satu pengkhayal baru yang mungkin membawa berbagai nama. Ia pernah dikenali sebagai 'pink lady', pernah dikenali sebagai 'ecstasy' dan macam-macam nama lagi. Pil ini adalah pil pengkhayal yang dibawa masuk, menurut laporannya, adalah dari negara Barat, hasil daripada satu percantuman kimia, bukan dadah yang natural.

Sekarang ini kemasukannya sukar untuk dikesan kerana ini satu gejala baru yang sukar untuk dikenali oleh pihak penguatkuasa undang-undang. Di Indonesia, banyak kes pil Ecstasy ini dibawa masuk ke negara Indonesia—beratus ribu, sebagaimana yang dilaporkan menerusi akhbar. Gejala-gejala ini telah pun berada di Malaysia. Baru-baru ini seorang wanita di tahan di lapangan terbang dan didapati membawa berpuluh ribu pil Ecstasy. Daripada satu kajian yang dijalankan oleh sebuah majalah remaja, penggunaan pil Ecstasy di Kuala Lumpur memang nyata. Kita tahu siapa dan bagaimanakah telatah, kerenah dan tabiat orang yang menggunakan pil Ecstasy.

Pil ini memang mahal. Ada yang satu biji berharga RM300, satu biji berharga RM400 dan ada pula usahawan-usahawan tempatan yang telah pun mengeksploitasikan, mempopulartikan pil ini. Mereka pun mengeluarkan local version dengan harga RM40.00. Satu pil boleh dikongsikan 4 atau 5 orang. Setelah menelan pil, kepala mereka mula geleng-geleng, angguk-angguk, tidak boleh berhenti sampai beberapa jam. Satu kesan yang amat buruk adalah, penggunaanya akan merasakan pemikirannya lebih perlahan daripada keadaan. Ini bermakna apabila kita bercakap kepada dia, cuma dua tiga minit selepas itu baru dia tangkap bahawa kita bercakap dengan dia, bahawa

kita berkomunikasi dengan dia. Perkara ini juga telah pun dikenal pasti oleh pihak pakar-pakar perubatan. Kata mereka, pil ini boleh menjejaskan kesihatan dan boleh membocorkan usus perut dan boleh menyebabkan maut yang amat dahsyat.

Dari tinjauan ke beberapa kawasan hiburan anak muda di waktu malam, pengguna-pengguna pil ini didapati lebih tertarik kepada tekno-muzik. Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin tidak tahu apa tekno-muzik. Tetapi apabila kita mencari penjelasan, tekno-muzik ini adalah muzik yang amat kuat suaranya—bassnya, gendangnya dan segala-galanya mendorong pergerakan yang aktif. Apabila muzik berhenti, pemakan pil ini akan berada di dalam mood yang tidak betul. Apabila muzik itu melalak kuat, dia boleh meletakkan telinganya dekat dengan loud-speaker, seolah-olah dia mahu memaut loud-speaker yang membawa muzik yang lantang. Dan orang ini juga apabila makan pil, dia mempunyai berbagai reaksi sampingan. Sekiranya pengambil pil itu mahu melagakkan diri sebagai seekor harimau, dia boleh berlagak sebagai seekor harimau. Kalau dia mahu berlagak sebagai seekor burung yang bebas terbang. Dia boleh berlagak sebagai burung yang bebas terbang. Dia boleh menari tanpa sebarang pasangan. Dia boleh bergembira tanpa mengira alam persekitarannya. Tetapi, pokoknya ada pil dan ada tekno-muzik.

Perkembangan ini perkembangan baru. Kita lihat kawasan-kawasan malam di belakang Lot 10, umpamanya, dan juga di kawasan di Jalan Ampang, berhadapan dengan Ampang Park, ada beberapa kawasan-kawasan yang jadi sarang ecstasy. Kita lihat di P.J., kita dilihat di Damansara Utama. Saya pernah satu malam membuat survey sendiri sampai pukul 5.00 pagi. Saya lihat bagaimana anak-anak muda sekarang ini sedang menikmati satu dadah yang masih lagi belum terangkum dalam mana-mana undang-undang secara khusus. Undang-undang yang ada, cuma mungkin di bawah Penal Court biasa.

Perkembangan ini amat membahayakan dan saya yakin ini di 'design'kan oleh sindiket-sindiket usahawan hiburan malam. Sebagaimana di Indonesia, pil ini banyak wujud di kawasan-kawasan hiburan yang mempunyai nama antarabangsa. Saya tidak mahu menuduh, tetapi cuba kita lihat di kawasan-kawasan hiburan yang membawa nama, umpamanya, Studbakers dan sebagainya. Kebanyakan ke tempat seperti ini mendapati bahawa pil ini juga dilahirkan di mana perindustrian hiburan malam diwujudkan. Ini bermakna dia lahir di negeri yang mewujudkan industri malam — di situlah pil itu juga dilahirkan. Ini satu perancangan. Saya bimbang di masa akan datang ia akan terus merosakkan generasi muda kita sekiranya kita tidak sensitif dan sekiranya kita merasa leka dengan perundangan-perundangan yang di-perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini.....

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada rakan saya dari Parit Sulong. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh beliau tadi mengenai dengan pil ecstasy dan sebagainya, saya ingin bertanya, adakah beliau juga sedar bahawa terdapat penagih-penagih ataupun pihak yang mengambil pil-pil sedemikian, kebanyakannya juga menyalahgunakan bagi acara-acara perlumbaan haram motosikal dan kereta yang boleh, apabila seseorang pemandu mengambil pil ini seolah-olah hilang ingatan dan pada waktu itulah mereka memecut mesin mereka tanpa menghiraukan peraturan dan sebagainya.

Jadi, perkara ini juga telah dapat kesan dan menimbulkan permasalahan pergerakan mesin itu di atas jalan raya dan adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan yang sekeras-kerasnya kepada pemandu yang sedemikian dapat diambil. Di samping itu, dengan keadaan begitu bebas mengenai penjualan pil-pil pencegah hamil yang

dijual di merata-rata kedai, supermarket dan sebagainya telah menyebabkan masalah sosial pada hari ini begitu meruncing. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya penguatkuasaan undang-undang, peraturan penjualan barang-barang sedemikian dapat di atasi dan di kawal dengan rapi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya dari Jelebu—membawa dua perkara yang baru untuk pengetahuan saya dan di harap pihak yang berkenaan di dalam Dewan yang mulia akan mengambil ingatan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila masalah AIDS mula diperbincangkan di dalam negara ini lebih kurang 10 tahun atau 12 tahun yang lalu, kita mengatakan tidak mungkin AIDS akan merebak ke negara kita kerana pada ketika itu kita dapati bahawa kononnya punca AIDS adalah perhubungan seks antara jenis sahaja, khususnya, homoseksual. Tetapi, apabila didapati bahawa AIDS juga berpunca dari penggunaan jarum secara beramai-ramai, jarum yang kotor untuk menyuntik dadah, maka ramailah generasi muda Malaysia lain terjebak dan menjadi pembawa kuman HIV. Sekarang ini statistiknya membuktikan bahawa perkara ini tidak boleh dipandang ringan.

Dengan itu, apabila saya membentangkan masalah penggunaan ataupun kemasukan ataupun kemunculan pil Ecstasy ataupun yang dikenali sebagai Pink Lady dan sebagainya ini, perkara ini masih lagi di peringkat yang awal. Sekarang ini, yang menjadi target kepada pil Ecstasy ini bukannya anak-anak muda yang hanya mampu membeli dadah secara murahan di tepi jalan. Pil Ecstasy ini sekarang ini menjangkiti golongan profesional, golongan yang mempunyai wang ringgit, golongan yang mempunyai kemampuan membeli atau pun 'purchasing

power' kerana satu biji pil berharga RM400—tidak mampu dibeli oleh orang-orang yang berpendapatan rendah dan ini juga adalah satu fenomena yang harus mengkhawatirkan kita.

Saya bimbang, sementara kita sekarang berhadapan dengan gejala anak-anak muda yang telah terbukti dan tersenarai sebagai penagih dadah, yang telah pun dipulihkan dan memakan belanja berjuta ringgit, muncul pula satu golongan anak-anak muda yang akan menjadi penagih pil Ecstasy.

Tuan Yang di-Pertua, daripada kajian yang dilakukan oleh sebuah majalah remaja, ada penagih pil ini boleh dibeli di mana-mana. Saya melihat sendiri satu pil ini yang berwarna merah jambu. Tiada siapa yang boleh membezakan, pil ini dengan pil-pil ubat atau antibiotik dalam sarung yang berwarna putih atau hijau.

Dadah ini juga ada berbentuk dalam bentuk setem. Macam setem kita lama dahulu yang ada gambar orkid dan sebagainya. Satu setem boleh dibeli dengan harga RM400. Dadah ini dilekatkan di peringkat gam kepada setem yang biasa untuk surat. Dadah ini dilekatkan di belakang itulah juga. Dan saya mempunyai satu pengalaman peribadi. Apabila saya meneliti setem itu, tak berapa minit kemudian saya jatuh tidur. Itulah kesannya. Setem itu dilekat dengan dadah di belakangnya hanya mungkin setengah milimeter. Siapa yang mengetahui hal ini? Tetapi sekarang perkara ini wujud di dalam negara kita. Dan apabila siasatan dilakukan, ada juga yang menuduh: "Oh! Pihak penguatkuasa pun terlibat dengan hal ini." Saya tidak yakin pihak penguatkuasa terlibat dengan hal ini. Tetapi saya yakin kemasukan perkara ini adalah syndicated. Kemasukan perkara ini adalah perkara yang dirancang dan disusun, sama seperti kehadiran dadah dalam negara ini yang sehingga sekarang kita belum dapat mengesan siapakah 'Kinpins' kepada pengedar-pengedar dadah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri ini kepada remaja adalah industri yang berjuta ringgit harganya. Sama seperti industri pakaian yang branded. Jika setiap satu pakaian yang branded diwujudkan di pasaran dengan promosi yang baik, maka akan berkejar-kejarlah anak-anak muda untuk membeli pakaian tersebut walau sebenarnya hanya brand itulah yang membawa erti kepada pakaian itu. Hal ini sama dengan pil ini. Sekarang ini anak-anak muda kita membelanjakan RM10 sehari untuk dadah bagi seorang penagih. Berapa puluh juta ringgit dibelanjakan satu hari oleh seluruh penagih dadah dalam negara? Kalau dihipunkan satu tahun berapa bilion ringgit dibelanjakan oleh remaja Malaysia untuk membakar dadah?

Sekarang ini kalau satu pil berharga RM400. Kalau satu malam di satu disko mempunyai 200 pengunjung, 200 orang membelanjakan RM200 atau RM400 satu kepala, berapa ratus ribu ringgit dibelanjakan untuk pil seperti ini setiap hari? Dan saya mendapat tahu sekarang ini pengguna-pengguna dan pengedar-pengedar pil ini menggunakan tempat-tempat hiburan di hotel-hotel terkemuka sebagai heaven atau tempat perlindungan yang tidak diganggu-gugat.

Ini kerana hotel-hotel terkemuka ini adalah hotel-hotel yang tidak sering menghadapi serbuan-serbuan pihak penguatkuasa. Selalunya hotel-hotel seperti ini dikatakan adalah tempat tumpuan orang-orang yang bertaraf tinggi. Tetapi sekarang, cuba kita lihat, mana-mana hari Sabtu atau hari Ahad. Perhatikan mana-mana disko di dalam hotel terkemuka. Akan masuklah berpuluh-puluh, beratus-ratus anak muda yang menggunakan pil ini. Kalau hendak melihat mereka, kita lihat sewaktu mereka menari. Tangan mereka menjulang ke awan, kepala mereka geleng macam orang zikir tak berhenti. Itulah pengguna pil Ecstasy ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu fenomena baru yang saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini supaya mendapat satu perhatian yang lebih khusus, satu perhatian yang lebih serius, supaya dapat ditumpaskan pada peringkat yang paling awal.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya juga ingin memperkatakan soal program kesedaran nasional ataupun 'National Service' yang baru-baru ini diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan.

Saya rasa ini satu perkara yang perlu mendapat sokongan dari seluruh pihak, kerana sekarang ini wujud satu kelompok generasi iaitu generasi, yang tamat sekolah. Kalau mereka habis Form V (Tingkatan V), Tingkatan VI, sementara mereka menunggu keputusan peperiksaan, generasi ini akan menjadi 'terapung' di dalam masyarakat kita.

Mereka tidak mempunyai satu organisasi rasmi yang mereka dapat mengadu nasib, berinteraksi dan sebagainya. Jadi, eloklah diwujudkan satu organisasi 'penjambat' ataupun 'bridging organisation' antara anak-anak remaja yang keluar dari sekolah, yang baru kembali kepada masyarakat keluarga sementara menunggu peluang-peluang selanjutnya.

Ini bermakna usaha untuk program khidmat sosial negara ini, harus mendapat sokongan dari seluruh pihak rakyat dan juga dari pihak kerajaan dari segi 'financial implication'nya. Program ini akan memberi erti dan saya yakin dapat memberi banyak bimbingan dan sumbangan khususnya di dalam memberi input-input yang penting dan bermanfaat supaya anak-anak muda ini apabila dia melanjutkan pelajaran ataupun melangkah ke alam pekerjaan, sekurang-kurangnya mempunyai satu bekalan iaitu kesedaran diri, kesedaran nasional dan segala kesedaran yang kita perlukan supaya mereka dapat menjadi seorang warganegara yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin juga menyentuh mengenai pekerja asing. Sejak tahun 1990, sewaktu pertama kali saya berucap di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan masalah kemasukan pekerja asing. Satu perkara yang tidak memuaskan hati adalah sikap majikan. Oleh kerana telah pun ada satu kelonggaran di dalam negara, sekiranya terdapat kekurangan tenaga manusia atau sumber manusia, kita boleh mengimport mereka, maka banyak inisiatif yang dilakukan oleh pihak-pihak majikan ini kerana mereka memang lebih gemar mengambil pekerja dari luar daripada mengambil pekerja dari dalam negara.

Satu contoh adalah sebuah ladang di kawasan saya. Ladang ini ladang milik satu agensi kerajaan. Ia mula mengambil pekerja daripada luar, Bangladesh dan Indonesia. Pekerja ini diletakkan dalam sebuah rumah yang berbentuk rumah sebuah-sebuah di dalam ladang itu. Di dalam sebuah rumah, diletakkan sehingga 12 orang. Di antara rumah-rumah ini ada kelamin orang Islam pekerja tempatan. Pekerja-pekerja asing ini di waktu tengah hari atau hari Jumaat lintang pukang. Mereka tak pernah pergi sembahyang Jumaat walaupun mereka adalah beragama Islam. Tengah malam mereka 'memekak'. Jadi keluarga-keluarga Melayu Islam yang berkeluarga dan berjiran dengan mereka merasa hidup mereka terhimpit di dalam ladang tersebut.

Apabila mereka berhenti, tidak diambilnya lagi orang daripada local. Diambil lagi daripada luar negara. Orang daripada luar negara ini overtime mereka rendah. Kadang-kadang tak ada overtime. Cuba kita siasat perkara ini. Saya yakin ada satu bentuk eksploitasi oleh pihak majikan. Sebab itu menambahkan kehadiran lebih besar jumlah pekerja asing di dalam tanah air.

Saya pernah menyeru di dalam Dewan yang mulia ini, supaya setiap keperluan untuk mengambil pekerja mesti disiasat 'at source' pada peringkat sumber yang memerlukan pekerja itu. Umpamanya,

satu ladang 'Rohanie Consolidated' umpamanya, memerlukan 500 pekerja asing. Siasatlah bagaimana keperluan ini wujud. Siapakah yang bekerja dahulu. Kalau dahulu orang tempatan, mengapakah mereka pergi? Mengapa mereka tidak mahu mengisi tempat itu. Mesti ada punca-punca yang berkait rapat dengan eksploitasi terhadap pekerja tempatan sehingga mereka meninggalkan tempat itu untuk digantikan oleh pekerja asing yang kosnya adalah lebih rendah.

Cuba kita bayangkan, penduduk Malaysia 20 juta, pekerja asing di dalam negara ini 3 juta. Lebih kurang 1/6 dari penduduk negara adalah pendatang asing. Ada yang ada izin dan ada yang tidak ada izin.

Saya bimbang jumlah yang tanpa izin adalah lebih besar dengan yang ada izin. British pernah meninggalkan satu sejarah kepada kita. Mereka membawa buruh asing secara besar-besaran ke negara ini dan akhirnya apabila kita mahu merdeka, kita berhadapan dengan masalah kewarganegaraan!

Adakah kita sekarang mahu membawa buruh-buruh asing tanpa sekatan, tanpa perundangan yang ketat, yang jelas dan yang spesifik, sehingga kita akan melahirkan satu generasi yang mungkin akan menjadi masalah kepada masa depan kita. Cuba kita bincangkan, masalah kepincangan sosial hari ini. Contohnya di negeri Johor. Batu Pahat menjadi pusat syarikat-syarikat elektronik dan pusat-pusat tekstil. Pekerja-pekerja Bangladesh berleluasa, Kadang-kadang bila mereka jalan, kita yang jadi rakyat, orang yang jadi warganegara, takut dengan mereka.

Kalau saya masuk Pagoh untuk balik Parit Sulong, orang Pagoh sendiri pun naik takut bila melihat Bangla jalan beramai-ramai. There are terrorising, mereka menakutkan kita. Orang-orang yang mempunyai anak perempuan, takut dengan kehadiran mereka. Kerana orang ini ganas. Maklumlah lelaki yang jauh dari rumah, dia mempunyai kehendak nafsu yang tinggi. Mungkin diet mereka

menyebabkan mereka punya rangsangan nafsu lebih tinggi. Bagaimana kita mahu berhadapan dengan hal ini? Di Batu Pahat, ada kilang-kilang yang mempunyai asrama. Asrama lelaki dan asrama perempuan berasingan. Tetapi pernah terjadi kes di mana asrama perempuan diserang dan pengawal asrama tersebut tidak boleh buat apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang kehadiran pekerja asing. Tetapi, tolonglah kaji sedalam-dalamnya hal ini. Jangan menimbulkan implikasi. Satu manifestasi yang jelas adalah yang berlaku di Johor Bahru. Mahukah kita mengambil buruh asing tanpa perincian yang tepat sehingga kita mahu menghuruharakan negara kita sendiri?

Dari kacamata bekalan makanan, saya sebagai seorang Pengerusi Bernas iaitu syarikat yang mengimpor beras, kita mempunyai 60% sufficiency beras. Bermakna kita cukup 60% dan kita import balancenya dari luar negeri. Itu berdasarkan penduduk 20 juta. Bagaimanakah bekalan beras di negara kita ini mahu diseimbangkan? Memang kita tidak akan tahu siapa yang mempunyai statistik pendatang haram ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Batu Pahat adalah kawasan persisiran pantai di Barat Johor. Kawasan ini mempunyai pengkalan-pengkalan pantai berhadapan Selat Melaka. Pantai ini jadi pengkalan kemasukan pendatang haram kerana membawa masuk pendatang haram juga merupakan satu industri kepada setengah-setengah orang yang menjalankan kegiatan gelap. Saya dapat tahu ada sindiket-sindiket yang membawa pendatang haram menggunakan kontena. Sampai sahaja daripada laut ke pantai, mereka dijual macam ikan. Lepas itu masukkan dalam kontena. Kontena itu dihantar ke Penang, Kuala Lumpur dan Kota Bharu. Kadangkadang perkara ini tidak rasional. Di Kota Bharu pun ada pendatang haram Indonesia. Dari pengkalan manakah mereka masuk? Siapakah yang menguruskan perjalanan mereka dari pengkalan pantai ke tempat-tempat yang jauh dari pantai. Tentu ada

sindiketnya. Jika tidak, perkara ini mustahil boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu maklumat. Ini bukan tuduhan, setakat laporan unverified, dengan izin. Kononnya, ada satu balai penguatkuasa undang-undang di Batu Pahat. Kononnya satu balai tersebut terlibat dengan kemasukan pendatang haram. Apabila orang kampung membuat laporan, anggota satu balai itu ditukarkan ke tempat lain. Apabila orang baru yang masuk, sekali lagi yang baru pun dikatakan terlibat sama. Apakah harus kita buat dengan perkara ini?

Di Parit Sulong Tuan Yang di-Pertua, penanam-penanam sayur di sepanjang jalan Pagoh ke Yong Peng adalah pendatang haram. Dari segi kemanusiaan, kadang-kadang saya kasihan. Kadangkadang, makanan mereka pun dibaling saja macam binatang. Tetapi, dari satu segi pula saya marah. Siapakah yang bawa masuk pendatang haram ini. Pernah terjadi satu kes di Batu Pahat Tuan Yang di-Pertua, dimana seorang pendatang haram yang masuk secara haram, keturunan Islam, terpaksa terdampar di sebuah rumah bukan Islam. Waktu bulan puasa dipaksa makan dan makan "balif-ba-ya", Tuan Yang di-Pertua.

Pernah terjadi satu kes di Parit Sulong Tuan Yang di-Pertua, di mana ada seorang pendatang haram wanita Islam, dibeli secara haram dan dijadikan abdi serta tidak boleh keluar rumah. Setiap kali tauke dia keluar rumah, semua dikunci. Tetapi kerana Tuhan nak tunjuk, rupanya rumah itu ada gril dan orang ini sempat memekik-mekik sewaktu taukenya tidak ada. Dia dilepaskan oleh pihak polis. Pernah terjadi satu kes di Batu Pahat, di mana sindiket pelacuran membeli wanita-wanita pendatang haram untuk dijadikan habuan seks secara haram. Apa yang harus kita buat dalam hal ini?

Di dalam sidang Parlimen Asean AIPO di Phuket baru-baru ini, saya secara vokal dapat memasukkan satu resolusi di dalam usul sosial. Kita mengharapkan negara-

negara jiran yang membekalkan tenaga kerja ke Malaysia, seharusnya regulate the workforce at source, dengan izin. Bermakna, mereka harus menguruskan kemasukan atau permergian pekerja mereka di negara mereka sendiri. Perkara ini sensitif untuk diperbincangkan secara terbuka oleh mana-mana kerajaan. Indonesia umpamanya, kalau kita sebut mengenai pendatang haram, dia sensitif sangat kerana sikap "attitude big brother", belum dikikiskan daripada mereka. Masalah ini jadi mudah sekiranya Indonesia sendiri menyekat amalan penerobosan penduduknya ke negara ini. Mereka tidak boleh masuk ke Malaysia kalau pantai Indonesia pun dikawal. Oleh itu, sementara saya mendesak Kerajaan kita memperketatkan kawalan perundangan, penguatkuasaan dan sebagainya, kita juga harus mendesak Indonesia supaya mereka juga memperketatkan kawalan perundangan dan penguatkuasaan pantai yang menjadi pangkalan rakyatnya keluar masuk secara haram ke negara kita.

Kita harus sampaikan hal ini kepada Indonesia kerana orang-orang ini menghantar pulang berpuluh juta setiap tahun. BSN Commercial mempunyai statistik ini kerana BSN Commercial telah membuat perkhidmatan yang membolehkan sebilangan besar pekerja-pekerja Indonesia menghantar wang secara T.T menerusi BSN Commercial. Wang kita diangkut balik. Tetapi pengeluaran orang itu secara haram ke negara ini tidak mahu dikawal. Apabila kita timbulkan, "Wah! Kok begitu sih, ini sensitif, kitakan abang yang tua, big brother". Saya harap, big brother tidak big brother, kita regulatekan perkara ini. Kita sampaikan kepada punca yang paling besar iaitu Indonesia, bahawa tolonglah regulate pengeluaran pekerja dia ke negara kita secara yang teratur. Kalau ramai mereka yang keluar secara haram, tolonglah kawal pantai pengkalan-pengkalan keluar itu.

Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) adalah satu angkatan bersenjata yang berkesan dan yang efektif.

Mengapa tidak boleh dikerahkan ABRI untuk mengawal dan menjaga pantai yang dikenal pasti sebagai pangkalan keluar secara haram dari Indonesia dan masuk secara haram ke Malaysia?

Saya tidak rela masa depan generasi negara ini satu hari kelak akan digugat oleh kehadiran orang-orang ini khususnya apabila terdapat social assimilation di antara orang itu dengan kita, umpamanya apabila mereka diizinkan untuk menikahi wanita-wanita Malaysia.

Sekarang ini ada pendatang yang mempunyai kad pengenalan merah pun kadang-kadang boleh masuk campur dalam politik Malaysia. Ini baru pegang kad merah! Kita belum tahu bagaimana kalau mereka mempunyai kad biru dan mempunyai hak mengundi. Siapakah pilihan mereka? Ada setengah-setengah yang mempunyai kad merah, tetapi kerana boleh membaca Fatimah dengan idgham yang bagus, orang kampung kata, "Ha! jadi Pak Imamlah!" Jadi Pak Imam, pilihan raya menentang pihak Barisan Nasional. Saya berhadapan dengan pengalaman seperti ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya mempunyai kes, tetapi atas dasar kemanusiaan, saya tidak mahu memanjangkan perkara ini. Saya harap, perkara yang saya ketengahkan di Dewan yang mulia ini secara terperinci dapat perhatian sewajarnya kerana saya tidak mahu masa depan negara akan digugat oleh pendatang-pendatang haram.

Satu lagi kelompok pendatang haram yang mempunyai assimilation yang mudah dengan negara kita adalah pendatang haram dari Myanmar. Sekarang ini saya boleh tunjukkan kepada pihak penguatkuasa undang-undang di mana kita boleh mencari pendatang haram Myanmar yang memang datang secara haram. Mereka boleh assimilate, dengan izin, dengan mudah kerana mereka mungkin menguasai second language-bahasa kedua, sama ada dialek Tionghua menguasai Mandarin atau Hokkien dan sebagainya.

Saya pernah pergi ke sebuah kedai milik kawan saya dan saya ingat dia memang anak Tionghua Malaysia. Tetapi apabila bercakap-cakap, dia ini takut-takut. Rupanya dia masuk secara haram ke Malaysia, diambil bekerja oleh orang Malaysia. Mengapa diambil bekerja? Oleh kerana orang ini boleh dieksploitasi. Orang ini boleh ditindas dan orang ini tidak mempunyai karenah yang banyak seperti pekerja di Malaysia yang mengenal hak dan privileges menerusi undang-undang.

Saya harap pihak penguatkuasaan kemasukan dan kelulusan pekerja-pekerja asing ke dalam negara ini yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri, mungkin dengan sokongan dan recommendation oleh pihak Kementerian Sumber Manusia, sekiranya ada permohonan untuk membawa jumlah pekerja secara besar-besaran ke dalam negara ini, siasatlah sama ada pekerja-pekerja tempatan meninggalkan tempat itu atas sebab-sebab tindasan oleh pihak atau majikan tempatan yang sengaja mahu memaksimumkan keuntungan dan merendahkan kos operasinya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat kemasukan buruh asing dari Bangladesh. Yang Berhormat dari Sepang, saya harap syor tadi boleh tarik baliklah. Seruan supaya diizinkan orang-orang itu bernikah dengan orang-orang di sini, janganlah! Cukuplah! Sudah banyak sangat anak "mummy" dalam negara kita. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap juga pekerja-pekerja ini apabila mereka masuk secara regulated dan tersusun, mereka juga diberi latihan asas supaya kita tidak menjadi tempat untuk melatih mereka dan mereka balik mengaut the transfer of training atau the benefit of training itu untuk membangunkan negaranya.

Pada waktu yang sama, kita harus mempunyai satu dasar yang jelas sama ada anak-anak pendatang haram atau anak-anak pekerja asing boleh bersekolah di negara kita. Saya terpaksa

membangkitkan perkara ini. Ini hak kita untuk bersuara. Mereka pergi ke sekolah, sekolah kita. Kalau kita lihat Sekolah Rendah Kebangsaan Damansara Utama, dekat dengan Mini Celiwung di mana satu sungai menjadi terlalu kotor oleh deretan ratusan rumah haram pendatang haram Indonesia, anak-anak pendatang haram ini pergi ke sekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Damansara.

Kita bukan hendak memperhina seseorang manusia dengan manusia yang lain. Tetapi pada hakikatnya apakah status mereka? Apakah status domicile mereka. Adakah mereka mempunyai status dan hak warganegara di dalam negara ini? Anak itu lahir di Malaysia. Ibunya pendatang haram dan bapanya pendatang haram. Bolehkah mereka diizinkan bersekolah? Kita harus kaji, kita yang bayar cukai! Mereka datang haram, bekerja tidak membayar cukai dan anaknya menikmati perkara yang kita harus nikmati. Saya rasa memang jarang suara ini saya suarakan. Tetapi hakikat ini telah menjadi-jadi sangat. Sudah tidak tahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau di pasar malam, orang dia sahajalah!

Dia orang pergi hospital, macam mana? Selepas itu dia bawa penyakit lagi! Yang dari Siam bawa penyakit Siamnya. Mungkin menjadi baka-baka kepada AIDS pun kita tidak tahu kerana negara Thailand adalah dikenal pasti sebagai sarang AIDS yang terbesar di rantau ini. Yang dari Bangladesh bawa penyakit lagi. Yang dari Indonesia bawa penyakit lagi.

Dari segi agamanya macam mana? Sewaktu saya menjadi Setiausaha Politik Menteri Dalam Negeri pada tahun 1984, kita dapat mengesan bahawa sekelompok pendatang haram di Jalan Jelatek, Datuk Keramat, membina sebuah gereja. Nasib baik kita cepat bertindak. Nasib baik kita cepat menumpaskan. Bukannya saya anti kepada kewujudan agama Kristian, tetapi ada di kalangan kelompok pendatang haram mahu mengembangkan agama Kristian! Ada juga mereka yang memberikan gambaran yang salah kepada kita. Dia pakai songkok dengan tertib,

duduk di Chow Kit, makan khinzir. Ini kerana songkok kepada mereka adalah tradisi, kepada kita adalah mencerminkan bahawa kita orang Islam.

Perancangan utama pendatang-pendatang dari Indonesia ini adalah untuk mengimbangi pekerja-pekerja di sektor perladangan. Maka, mereka seharusnya setelah dapat masuk, tidak bergerak dari kawasan yang dikenal pasti. Mereka tidak boleh keluar daripada designated areas. Sekarang ini apabila mereka sudah dapat SPLP, jadi mereka boleh cabut. Dengan SPLP itu mereka boleh bebas bergerak. SPLP jadi sebagai passport untuk bergerak dalam negara ini. Perkara ini juga harus diatasi. Apakah loopholes kepada SPLP? Adakah SPLP itu bersamaan dengan passport? Saya bertanya kerana apabila mereka dapat SPLP, selepas itu mereka lari untuk bekerja dengan majikan yang boleh menawarkan gaji yang lebih besar. Ini juga satu exploitation.

Saya rasa cukuplah untuk saya memanjangkan perkara ini untuk consumption kita bersama, untuk kebaikan kita bersama dan untuk manfaat kita bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

6.18 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya ucapkan tahniah kepada 'Dato' dan ucapannya tadi 95% saya menyokong. Cukup baik hujahnya tentang pendatang tanpa izin yang sekarang ini berkeliaran di negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan dalam Perhimpunan Agung UMNO pertama kali menekankan soal rasuah di mana rasuah akhirnya boleh menyebabkan negara kita tergadai dan kerajaan kita tergadai. Kita menyokong ucapan itu berserta dengan tindakan-tindakan selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku dalam negara kita memanglah yang pertama yang dipertanggungjawabkan ialah kerajaan yang memerintah sebab kuasa berada di tangan mereka. Pengambilan pekerja asing hendaklah ditangani dengan betul-betul. Misalnya kita lihat, diberi permit untuk mengimport pekerja asing kepada satu syarikat kepunyaan Tajuddin Abdul Rahman untuk dia mengimport 20,000 orang pekerja Bangladesh tanpa pihak Kementerian Dalam Negeri menginterview beliau di mana dia hendak meletakkan 20,000 pekerja ini.

Adakah sudah pasti majikan yang akan mengambilnya ataupun diberi lesen untuk mengimport 20,000 orang hanya untuk mengambil untung lebih kurang RM40 juta dalam masa yang singkat. Jadi, kadang-kadang masalah itu kita yang buat sendiri, kemudian bila masalah timbul kita menjerit sekarang untuk menyelesaikan?

Masalah lesen untuk mengimport pendatang asing ini dikeluarkan begitu mudah, bahkan dahulu baru sahaja orang yang lompat daripada S46 menyertai Umno, langkah awalnya diberi lesen untuk import pendatang asing sehingga dia dapat menjadi kaya dengan cepat hasil daripada lesen itu. Bila sudah jadi begini sekarang, semua kita menjerit keriau kerana daripada awalnya kita mengizinkan orang yang dapat lesen ini import pekerja asing tanpa mereka dapat dahulu tempat-tempat yang pasti untuk pendatang asing ini bekerja. 20,000 pekerja yang diimport oleh syarikat kepunyaan Tajudin ini adakah semua ditempatkan, semua dapat kerja? Kalau separuh dapat kerja, separuh lagi terpaksa berkeliaran. Bila berkeliaran, di mana tempat peluang mereka dapat kerja maka mereka bekerja. Puncanya ialah pengimport-pengimport yang diberi lesen untuk kaya cepat. Ini dibuat sendiri oleh pihak kerajaan yang kita harap perkara ini tidak diulang pada masa yang akan datang.

Saya tidak dengar hujah Sepang tadi. Tetapi dalam perkara hal kahwin ini, saya bersetuju dengan hujah Sepang sebab kahwin ini soal cinta (*Ketawa*), dia bukan boleh dipaksa-paksa. Kalau tidak, kita lihatlah dalam kisah lagenda Laila Majnun, tak diizinkan kahwin, mereka sanggup mati bersama di tepi pantai. (*Ketawa*) Begitu juga Romeo dan Juliet sanggup membunuh diri. Begitulah juga kita lihat dalam filem Bobby, bagaimana pasangan bercinta. Kita kena sedar masalah ini.

Pemuda-pemuda di negeri kita, 200,000 adalah penagih dadah. Yang dikatakan penagih dadah secara tidak serius, kemungkinan sudah sampai 1 juta. Pekerja Bangladesh ini yang bekerja di estet dan di kampung-kampung ada di antara mereka mempamerkan akhlak yang baik. Gadis-gadis Melayu kita didedahkan dengan filem Hindustan, mereka lihat Shassi Kapoor, Shammi Kapoor, tiba-tiba sekarang berada di hadapan mata mereka (*Ketawa*), sudah tentu mereka jatuh cinta.

Dan mereka hendak kahwin dengan pemuda tempatan, 6 bulan berada di luar, 6 bulan di pusat serenti. Anak-anak muda kita sekarang malas masuk universiti, mereka suka masuk pusat serenti. (*Ketawa*) Ada di antaranya graduate 3 pusat serenti. Mula-mula masuk Pusat Serenti Sungai Petani, keluar 6, 7 bulan, masuk pula Pusat Serenti Perlis. Keluar daripada situ, dihantar pula ke Pusat Serenti Jeli. Kalau dia masuk itu untuk buat bidang pelajaran, barangkali telah dapat Ph.D. Tetapi dia keluar tiga kali masuk pusat serenti tetap menjadi penagih dadah.

Bayangkan 200,000 penagih dadah, gadis mana yang mahu kepada penagih dadah ini? Lebih baiklah Shassi Kapoor di depan mata. Masalah kita menggalakkan mereka kahwin tak boleh, tetapi kalau yang telah berkahwin, anak 3, 4, dari segi agama janganlah kita paksa memisahkan mereka. Ini masalah berat, sebab.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Peminat Shassi Kapoor! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setujuhlah fasal cinta ini. Oleh kerana Bangla ini dia bukan warganegara Malaysia, tidakkah Yang Berhormat bersetuju kerana cinta, apabila Bangla ini balik, ikutlah ke sana, apa fasal tak sanggup nak balik?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya kata tadi menggalakkan mereka kahwin, jangan. Tetapi yang telah berkahwin janganlah kita paksakan mereka. Memang kalau yang sanggup ikut balik, tak apalah, tetapi bagi kita perkara-perkara ini kita kena renung secara mendalam.

Saya hendak berhujah di sini tetapi kadang kala adat serkat sedikit. Kenapa kita tidak mahu misalnya pertarungan di benua India dibawa masuk ke sini? Saya lebih nampak di situ, ada pertarungan di benua India. Pakistan, India dan Bangladesh, unsur-unsur itu ada dibawa ke sini. Sebab itu, kita kena berhati-hati dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita lihat, sepertimana saya kata tadi, punca madiyah kebendaan yang dikejar oleh kita, oleh rakyat Malaysia, ahli-ahli perniagaan yang mengimport secara tidak ikut peraturan, akhirnya inilah beban yang kita terima, yang kita akui sekarang cukup bermasalah. Memang kita tengok di Sungai Petani macam kita berada di Chittagong, di sebelah petang mereka berderet balik berjalan kaki, kita tak suka itu semua, tetapi siapa yang buat? Kita, kerajaan. Maksudnya, saya pembangkang. Kita itu maksudnya, bila dalam Parlimen ini 'kitalah' yang buat undang-undang. Jadi, kita mengeluh apa yang kita buat dan sekarang bencana itu tiba, kita kena ambil perkara ini secara serius. Hentikan beri lesen-lesen untuk mengimport pekerja asing. Yang ada ini pun, kalau yang tidak sesuai lagi, kita hantar balik.

Dan ibu segala-galanya sekali ialah rasuah. Marilah kita banteras rasuah secara sungguh-sungguh. Tubuhkan suruhanjaya untuk siasat rasuah sampai ke akar umbi. Mula siasat ahli Parlimen PAS dahulu, diikuti dengan Adun-adun, Menteri Besar, Exco, kemudian MP's yang lain. Suruhanjaya itu dedahkan kepada umum tentang gejala rasuah yang berlaku di Malaysia. Kita buat secara serius. Bukan bila kita menghadapi satu perkara politik wang telah merebak baru kita bercakap sedangkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) di zaman tiga Perdana Menteri dahulu cukup hebat. Pegawai-pegawai kerajaan, menteri, D.O. waktu zaman Tun Razak, zaman Tun Hussein Onn, zaman Tunku Abdul Rahman, mereka lihat pegawai pencegah rasuah seperti ayam melihat burung helang, takut. Bila pegawai pencegah rasuah telefon menteri, 'kami nak melawat pejabat Dato', ada menteri yang masuk hospital. Sekarang bila menteri telefon pegawai BPR, pegawai BPR pula terkencing kerana dia bimbang dia akan ditukar. Sebab itu di zaman tiga Perdana Menteri dahulu kita lihat ada menteri besar didakwa, Menteri Besar Perak, ada menteri yang didakwa, bapa kepada Dato' kita ini, Dato Abdul Rahman Talib, saya ambil contoh sahaja, bukan kes, didakwa.....

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Siapa yang mendakwa, siapa yang disiasat? Saya ingat Yang Berhormat dari Kubang Kerian tidak mengetahui fakta.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Biar, tak apa.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Dia tidak pernah disiasat dan tidak pernah didakwa oleh BPR.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tak apa. Kemudian dia dakwa lagi Dato'

Harun walaupun Pemuda Umno waktu itu sanggup mati, Tun Hussein Onn kata tak cukup polis, tentera akan digunakan untuk menghadapi Dato' Harun. Begitu juga yang lain-lain, yang kita lihat kerajaan pada waktu itu tidak bercakaplah sampai menangis tetapi pegawai BPR ditakuti. Sekarang pegawai BPR berada dalam keadaan ketakutan, misalnya kita buat report tentang ada percubaan untuk membeli Adun PAS, pegawai BPR itu kata kena rahsia cukup-cukup perkara ini sebab dia bimbang dia akan ditukar. Pegawai itu sekarang ini orang yang buat move untuk membeli Adun PAS itu telah meninggal dunia, barangkali sakit jantung dan sebagainya tetapi ada percubaan untuk membeli dan pegawai BPR Kelantan, alhamdulillah, telah berjaya memerangkap usaha itu.

Yang saya hendak tegaskan di sini, bukan tangisan yang perlu, hidupkan balik peranan BPR, kalau boleh letak di bawah Suruhanjaya Diraja, letak di bawah Yang di-Pertuan Agong, ertinya biar dia bertindak bebas. Kita lihat pula misalnya bukan kita yang tak puas hati. Hakim mengatakan ada penyelewengan, dituduh rasuah kepada 12 orang hakim, 120 tuduhan. Hakim itu tidak didakwa di mahkamah, bagaimana kita hendak bercakap soal penyelewengan rasuah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung besok.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada esok hari kita kena panjangkan mesyuarat kerana kita kena menghabiskan berkenaan dengan perbelanjaan tambahan ini dalam masa dua hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.